

# LAPORAN TAHUNAN 2013

## JABATAN MUZIUM MALAYSIA



JABATAN MUZIUM MALAYSIA

**© Hak Cipta Terpelihara.**

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.





Pelancaran Setem Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara



# KANDUNGAN

**6** Pena Emas Menteri Pelancongan dan  
Kebudayaan Malaysia

**8** Tinta Mutiara Ketua Setiausaha Kementerian  
Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

**10** Setitip Kata Ketua Pengarah Jabatan  
Muzium Malaysia

**12** Profil Korporat

**24** Muzium Kearah Kecemerlangan

**90** Program Dan Aktiviti  
Jmm Wilayah



**100** Laporan Kewangan

**106** Statistik Pengunjung ke Muzium-  
muzium Jabatan Muzium Malaysia  
2013

**110** Muzium-muzium di Bawah Jabatan  
Muzium Malaysia

**120** Lampiran

# PENA EMAS



**Dato' Seri Mohamed Nazri bin  
Tan Sri Abdul Aziz**  
Menteri Pelancongan dan Kebudayaan  
Malaysia

“Menyedari kepentingan peranan muzium dalam pembangunan pelancongan negara dan juga sebagai lambang tamadun negara sebagaimana negara-negara maju yang lain, iaitu Jepun, United Kingdom, China dan Korea, maka diharapkan JMM dapat mempergiatkan lagi program dari semasa ke semasa dan mengorak langkah ke hadapan untuk memperkasakan institusi permuziuman di Malaysia”

## ***Bismillahirrahmanirrahim***

Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW  
Semoga kita sentiasa dirahmati dan diberkati Allah SWT.

Bertemu lagi dalam keluaran Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Tahun 2013. Saya mendahului tinta ini dengan ucapan tahniah kepada JMM kerana berjaya menerbitkan buku laporan ini dan saya pasti banyak input berguna yang telah dikongsi dalam keluaran khas ini.

Muzium merupakan institusi yang bertanggungjawab menyediakan maklumat mengenai tamadun negara pada zaman silam hingga kini untuk tatapan masyarakat. Muzium berkembang seiring dengan perkembangan budaya, politik dan ekonomi semasa. Dengan kata lain, banyak khazanah yang tersimpan di muzium dapat dijadikan bukti tamadun bangsa dan negara. Dalam konteks pelancongan, muzium turut menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan negara dan diletakkan di bawah kategori pelancongan warisan (Heritage Tourism). Muzium dijadikan destinasi dalam setiap agenda lawatan pelancong, terutama pelancong luar negara. Saya difahamkan sepanjang tahun 2010 hingga tahun 2013, hampir 12 juta pengunjung telah melawat 21 buah muzium bawah pentadbiran JMM. Ini menunjukkan peranan dan iltizam muzium dalam pemuliharaan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara turut menyokong industri pelancongan di Malaysia.

Menyedari akan kepentingan peranan muzium dalam pembangunan pelancongan negara dan juga sebagai lambang tamadun negara sebagaimana negara-negara maju yang lain, iaitu Jepun, United Kingdom, China dan Korea, maka diharapkan JMM dapat mempergiatkan lagi program dari semasa ke semasa dan mengorak langkah ke hadapan untuk memperkasakan institusi permuziuman di Malaysia setaraf dengan muzium-muzium terkemuka dunia seperti *Louvre Museum (Paris)*, *The Metropolitan Museum of Art (New York)*, *British Museum (London)* dan *Taipei National Palace Museum (Taiwan)*. Akhir kata, semoga JMM terus menjengah kejayaan dan pencapaian terbaik dalam setiap program yang dirancang.

# TINTA MUTIARA



**Datuk Dr. Ong Hong Peng**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelancongan  
dan Kebudayaan Malaysia

“ Sebagai peneraju bidang permuziuman, Jabatan Muzium Malaysia akan sentiasa dilihat sebagai pemacu dalam usaha untuk memastikan masyarakat celik sejarah melalui penganjuran program-program berbentuk pendidikan dan pengembangan muzium ”

## ***Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia***

Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Muzium Malaysia kerana berjaya menerbitkan Laporan Tahunan JMM 2013. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada warga JMM yang telah berusaha gigih meningkatkan imej JMM melalui kejayaan menganjurkan berbagai program dan aktiviti sepanjang 2013. Saya dimaklumkan sehingga 31 Disember 2013, muzium-muzium di bawah JMM telah menerima lebih daripada 2.7 juta pengunjung. Ini merupakan hasil usaha tanpa jemu warga muzium dalam memperkasakan sejarah dan budaya warisan Negara dan menjadikan muzium sebagai daya tarikan pelancong. Sesungguhnya, usaha ini sewajarnya dipuji dan dihargai.

Sebagai peneraju bidang permuziuman, Jabatan Muzium Malaysia sentiasa dilihat sebagai pemacu dalam usaha untuk memastikan masyarakat celik sejarah melalui penganjuran program-program berbentuk pendidikan dan pengembangan muzium. Program seumpama ini dapat menyebarkan pengetahuan bukan sahaja kepada masyarakat tempatan malah pengunjung luar Negara, justeru menaikkan imej negara kita.

Saya percaya kerjasama strategik yang terjalin antara JMM dengan muzium-muzium terkemuka di dunia dan juga institusi pengajian tinggi dalam dan luar Negara telah banyak memberikan manfaat dan impak tinggi dalam usaha JMM memaju dan memartabatkan institusi muzium kita. Usaha sebegini amat wajar diperluas dan diperkukuhkan. Semoga Jabatan Muzium Malaysia dan muzium-muzium di bawah tadbir urus JMM terus cemerlang.

Saya berharap Laporan Tahunan 2013 ini akan menjadi suatu rujukan berguna serta dimanfaatkan dengan sebaiknya bukan sahaja oleh warga JMM, malah dijadikan panduan kepada semua yang berminat untuk mengetahui fungsi dan tugas JMM sebagai penjaga koleksi-koleksi bersejarah dan bernilai Negara.

## SETITIP KATA



**Dato' Ibrahim bin Ismail**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Muzium Malaysia

“ Pencapaian paling utama JMM tahun 2013, antaranya termasuklah pengambilalihan Istana Negara Lama sebagai Muzium Diraja, menandatangani MoU dengan Vietnam National Museum of History, penganjuran Sambutan 50 Tahun Muzium Negara ”

## ***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera***

Pertama sekali tahniah diucapkan kepada sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bagi tahun 2013. Kejayaan penerbitan buku yang berkualiti dari segi kandungan dan reka bentuk ini amat dihargai. Banyak pencapaian yang dikecapi oleh JMM sepanjang tahun 2013.

JMM juga sentiasa menambah baik program-program yang dianjurkan dengan mengambil kira penglibatan muzium bersama komuniti. Ia bersesuaian dengan fungsi muzium sebagai medium penyebaran ilmu pengetahuan tentang sejarah, budaya dan alam semula jadi kepada masyarakat umum melalui penyelidikan, pengumpulan koleksi, pemuliharaan koleksi, pameran dan aktiviti pendidikan tidak formal. Menyedari kepentingan muzium kepada masyarakat dan negara, maka JMM sentiasa mempergiatkan program-program permuziuman di peringkat domestik dan antarabangsa dari semasa ke semasa agar selaras dengan bidang tugas utama muzium dalam memperkasakan budaya dan tamadun negara.

JMM yang merupakan peneraju utama institusi permuziuman di Malaysia telah memanfaatkan tahun 2013 melalui aktiviti-aktiviti yang memberi kesan positif kepada warga muzium, muzium-muzium negeri dan swasta serta negara amnya. Pencapaian paling utama JMM tahun 2013, antaranya termasuklah pengambilalihan Istana Negara Lama sebagai Muzium Diraja, menandatangani MOU dengan Vietnam National Museum of History, penganjuran Sambutan 50 Tahun Muzium Negara, penganjuran acara gilang-gemilang sempena Hari Muzium Antarabangsa dan penganugerahan “Green Ambassador Awards” untuk Chimney di Muzium Chimney, Labuan oleh The Green Organisation, United Kingdom. Semua pencapaian ini menjadi penandaarasan kepada JMM untuk terus memperkembangkan peranan dan fungsinya agar dapat menjadi institusi berprestij di Malaysia.

# PROFIL KORPORAT

**Visi, Misi, Objektif, Fungsi dan  
Perkhidmatan Teras**

**Sejarah Jabatan Muzium  
Malaysia: Satu Perjalanan**

**Carta Organisasi  
Jabatan Muzium Malaysia**







## VISI

Menjadi institusi permuziuman unggul di Asia

## MISI

1. Mengumpul dan memelihara koleksi artifak yang signifikan
2. Menghasilkan dan mendokumentasikan penyelidikan koleksi artifak
3. Mengadakan pameran-pameran menarik secara berterusan
4. Menjadi destinasi utama pelancong

## OBJEKTIF


1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemeliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara
2. Menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program- program pendidikan dan pengembangan muzium

## FUNGSI

1. Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara.
2. Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
3. Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
4. Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan serta lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

## PERKHIDMATAN TERAS

1. Pengurusan Koleksi
2. Penyelidikan
3. Penyebaran Ilmu Pengetahuan melalui; Pameran (pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak), Ceramah, Bengkel, Seminar, Forum dan Persidangan serta Lawatan Berpandu ke Galeri.



# SEJARAH JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Satu Perjalanan

Penubuhan awal muzium di Tanah Melayu bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British membuka Muzium Perak yang kemudiannya diikuti penubuhan Muzium Selangor pada tahun 1904. Pada tahun 1953, Muzium Negara Sementara pula ditubuhkan sehinggalah pada tahun 1963 apabila dirasmikan Muzium Negara yang kekal hingga hari ini menjadi nadi dan mercu kepada usaha memartabatkan sejarah warisan negara. Rentetan peristiwa penubuhan muzium-muzium ini berkait rapat dengan penubuhan sebuah Jabatan yang menjadi nadi kepada pembangunan dan kemajuan muzium di Malaysia.

Jabatan Muzium telah ditubuhkan dan mula beroperasi di Muzium Selangor pada tahun 1904

adalah bertanggungjawab mengawasi pentadbiran Muzium Perak dan Muzium Selangor. Pada tahun yang sama, kedua-dua muzium ini disatukan menjadi Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Muzium. J. L. Wray telah menjawat jawatan Pengarah pertama Jabatan Muzium sehingga tahun 1908, kemudian digantikan oleh H. C. Robinson hingga tahun 1926 dan C. Boden Kloss hingga tahun 1931.

Pada 1 Januari 1932, Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dibubarkan, dengan itu Jabatan Muzium turut dibubarkan dan kedua-dua buah muzium itu dipisahkan semula dan wujud sebagai dua buah muzium yang berasingan. Pemisahan dilakukan selaras dengan pelaksanaan dasar disentralisasi



yang dijalankan oleh pemerintahan British di Tanah Melayu pada tahun tersebut. Usaha mewujudkan semula Muzium Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Jabatan Muzium oleh pegawai British, Kapten H. M. Pendlebury yang ketika itu menjawat jawatan kurator Muzium Selangor mendapat perhatian pemerintah British dan kedua-dua entiti tersebut diwujudkan semula bermula pada tahun 1938. Kapten H. M. Pendlebury telah dilantik menjadi Pengarah Jabatan Muzium hingga tahun 1941 apabila tentera Jepun mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu. Tentera-tentera Jepun ditempatkan di Muzium Selangor bagi menjaga muzium tersebut dan seterusnya, Muzium Selangor ditutup kepada orang awam untuk lawatan.


Walaupun Muzium Selangor ditutup kepada orang awam, tetapi kerja-kerja mengumpul dan menambah koleksi muzium diteruskan apabila Pegawai Pemerintah Tentera Jepun memanggil semula seorang bekas pekerja muzium, iaitu Encik Bachik Mohd Tahir untuk menjaga muzium. Kemudian beliau memanggil semula pekerja Muzium Selangor yang telah berhenti akibat pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pada bulan Jun 1943, empat orang pegawai Jepun dilantik untuk bertugas di Jabatan Muzium yang beribu pejabat di Muzium Selangor. Jabatan Muzium yang baharu semasa pemerintahan Jepun diketuai oleh Dr. Iwao Hino sebagai Pengarah hingga 2 Mac 1945 apabila Dr. Takahashi dilantik

bagi menggantikannya sebagai Pengarah Jabatan Muzium. Tempoh pentadbirannya singkat apabila pada 10 Mac 1945, Muzium Selangor menjadi mangsa pengeboman tentera udara Amerika Syarikat menyebabkan kesemua koleksi bahan pameran di bahagian kanan muzium mengalami kemusnahan. Koleksi muzium yang terselamat ditempatkan sementara di bilik darjah di Sekolah Convent Bukit Nenas, Kuala Lumpur sehingga akhir tahun 1945.

Pada tahun 1946, Pemangku Pengarah Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dilantik sebaik sahaja Jepun menyerahkan pentadbiran Muzium Selangor kepada pemerintah British. Dari tahun 1946 hingga tahun 1948, empat orang Pemangku Pengarah Jabatan Muzium yang juga menjadi Pemangku Pengarah Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah dilantik dan salah seorangnya ialah M. W. F. Tweedie, bekas Pengarah Muzium Raffles, Singapura yang berkhidmat hingga tahun 1947 dan kemudiannya digantikan oleh H. T. Padgen. Cadangan supaya membina sebuah muzium baharu telah dikemukakan oleh H.T.Padgen kepada pihak pemerintah British di Tanah Melayu bagi menggantikan Muzium Selangor sehinggalah akhirnya Muzium Negara Sementara dibina dan dibuka dengan rasminya pada 11 Februari 1953 oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer. Pengarah Jabatan Muzium di Muzium Negara Sementara ini ialah G. de G. Sieveking dan ia di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran.

Pada tahun 1957, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat. Kemudian, Jabatan Muzium diletakkan dalam portfolio Jabatan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1958 hingga tahun 1970. Muzium Negara Sementara telah beroperasi selama lima tahun. Pada tahun 1958, bangunan muzium ini dirobohkan bagi pembinaan projek bangunan tetap Muzium Negara.





Penggubalan Dasar Kebudayaan pada tahun 1971 menyaksikan Bahagian Kebudayaan yang sebelumnya di bawah naungan Kementerian Penerangan sejak tahun 1964 diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang turut merangkumi Jabatan Muzium sebagai salah sebuah agensinya. Di samping aktiviti permuziuman, Jabatan Muzium memainkan peranan penting menguruskan hal-hal berkaitan ekskavasi arkeologi, pemeliharaan, pemuliharaan, penyelenggaraan dan pewartaan monumen bersejarah dan tapak-tapak ekskavasi, mengawal peniaga antik serta eksport benda purba di bawah Akta Benda Purba 1976. Manakala pada tahun 1978, Jabatan Muzium telah dipindahkan sementara ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar.

Pada 20 Mei 1987, Jabatan Muzium berpindah kementerian sekali lagi apabila komponen kebudayaan dipisahkan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ia diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Ini diikuti penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada 22 Oktober 1992, seterusnya pada tahun yang sama distruktur semula dan diberi nama baharu kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia hingga tahun 2004. Jabatan Muzium berpindah ke kementerian berkenaan bersama Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. Perubahan ini menuntut Jabatan Muzium dan agensi-agensi di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberikan penekanan setimpal terhadap usaha menggalakkan industri pelancongan di negara ini.

Jabatan Muzium kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993 setelah melalui penyusunan semula struktur organisasi. Jabatan sebagai salah satu agensi


kerajaan yang dipertanggungjawabkan berperanan besar untuk memelihara warisan sejarah dan kebudayaan negara. Di samping itu, Jabatan menjadi agensi penting di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam membangunkan produk pelancongan melalui penubuhan muzium-muzium, pemeliharaan tapak-tapak bersejarah, warisan budaya serta alam semula jadi negara.

Penyusunan semula Kabinet pada 27 Mac 2004 menyaksikan Jabatan Muzium dan Antikuiti diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Peranan muzium dalam pembangunan negara bergerak rancak melalui penubuhan lebih banyak lagi muzium sebagai produk pelancongan yang utama seiring dengan keperluan memelihara warisan khazanah negara. Pada 1 Mac 2006, Jabatan Muzium dan Antikuiti bertukar nama kepada Jabatan Muzium Malaysia dengan pengkhususan lebih kepada pengurusan muzium dan koleksi artifak muzium.


Pada 18 Mac 2008, berikutan penyusunan Kabinet, Jabatan Muzium Malaysia dipindahkan ke Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Jabatan Muzium Malaysia kemudiannya diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan apabila Kabinet dirombak sekali lagi pada 9 April 2009. Jabatan Muzium Malaysia sebagai sebuah agensi kerajaan Persekutuan yang berperanan mentadbir dan membangunkan 21 buah muzium persekutuan di samping memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi negara melalui aktiviti pameran, penyelidikan, penerbitan, program pendidikan serta pengembangan muzium terus diperkasakan.

TAHUN	PERISTIWA
1904	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Muzium ditubuhkan dan beroperasi di Muzium Selangor yang bertanggungjawab mentadbir Muzium Perak dan Muzium Selangor.</li> <li>ii. Muzium Perak dan Muzium Selangor kemudiannya disatukan menjadi Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (MNNMB) di bawah pentadbiran Jabatan Muzium.</li> </ul>
1932	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. 1 Januari 1932, MNNMB telah dibubarkan dan begitu juga Jabatan Muzium.</li> <li>ii. Kedua-dua muzium dipisahkan dan wujud sebagai dua muzium yang berasingan.</li> </ul>
1938	Jabatan Muzium dan MNNMB diwujudkan semula. Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan semula di bawah pentadbiran Jabatan Muzium.
1953	Muzium Negara Sementara dirasmikan pada 11 Februari 1953 di bawah tanggungjawab Jabatan Muzium, manakala Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran.
1957	Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Asalnya KKBS di bawah Bahagian Kebudayaan dalam Kementerian Kebajikan Masyarakat.
1958	Jabatan Muzium diletakkan di bawah portfolio Jabatan Perdana Menteri.
1972	Penggubalan Dasar Kebudayaan 1971, Bahagian Kebudayaan yang merangkumi Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
1978	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Muzium dipindahkan sementara ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar</li> <li>ii. Pada 20 Mei 1978, Jabatan Muzium diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.</li> </ul>
1987	20 Mei 1987, Jabatan Muzium dipindahkan ke Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.
1992	<p>22 Oktober 1992 – struktur kementerian dikemas kini dan diberi nama baharu, iaitu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.</p> <p>Tahun sama – ditukar nama kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia hingga tahun 2004.</p>
1993	Jabatan Muzium diberi nama baharu, iaitu Jabatan Muzium dan Antikuiti mulai 11 Mac 1993.
2004	27 Mac 2004, kementerian telah diberi nama baharu, iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.
2006	Jabatan Muzium dan Antikuiti diberi nama baharu, iaitu Jabatan Muzium Malaysia mulai 27 Mac 2006.
2008	18 Mac 2008, kementerian telah diberi nama baharu, iaitu Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Jabatan Muzium Malaysia di bawah tanggungjawabnya.
2009	9 April 2009, kementerian bertukar kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

# CARTA ORGANISASI JABATAN MUZIUM MALAYSIA



**TIMBALAN KETUA  
PENGARAH (PEMUZIUMAN) JUSA C**



# MUZIUM KE ARAH KECEMERLANGAN

**Pengurusan, Pembangunan  
dan Sumber Maklumat**

**Program Pameran**


**Pengurusan Koleksi**

**Perkhidmatan Konservasi**

**Penyelidikan dan Penerbitan**

**Pemasaran dan Khidmat  
Seranta**

**Pendidikan Muzium**



# PEMANTAPAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## Profil

**P**rogram Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat terletak di bawah portfolio Bahagian Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat. Bahagian ini bertanggungjawab merancang, merangka, mengemas kini dasar dan peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek pembangunan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS.

Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran bertanggungjawab mengendalikan urusan berkaitan aktiviti pengurusan dan pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pemantapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan peperiksaan jabatan, hal-hal perkhidmatan pegawai dan kakitangan JMM. Unit ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan aset serta pengurusan pelupusan aset jabatan. Unit Latihan pula dipertanggungjawabkan mengendalikan kursus-kursus serta latihan-latihan ikhtisas permuziuman untuk meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia dengan mengendalikan jadual dan modul kursus.

Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam merancang, mengenal pasti dan menguruskan pemerolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisien. Selain itu, ia juga berperanan menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset.

Bahagian Sumber Maklumat pula bertanggungjawab menyelaraskan aspek pengurusan sumber maklumat yang terbahagi kepada dua, iaitu Unit Sumber Media yang membangun, menyelenggara, menyelia serta mewujudkan sebuah koleksi maklumat berupa bahan-bahan fotografi dan AV di Jabatan. Unit Perpustakaan pula satu pusat pengurusan rujukan dan maklumat berupa bahan-bahan monograf dan jurnal yang akan melibatkan perolehan, pendokumentasian dan perkhidmatan rujukan dan perujukan maklumat.



Bahagian Teknologi Maklumat pula bertanggungjawab melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi JMM berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baharu berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna, penyelenggaraan aplikasi dalaman JMM, iaitu Helpdesk, Blog KP, laman web JMM, penyediaan infrastruktur ICT, khidmat sokongan ICT dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada pada tahap optimum.

## Pencapaian Aktiviti Tahunan

Sepanjang tahun 2013, Bahagian Pengurusan, Pembangunan dan Sumber Maklumat telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan terutamanya berkaitan dengan peningkatan sistem maklumat, sumber manusia, projek pembangunan dan pengurusan kewangan.

## 1. PEMANTAPAN MODAL INSAN

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah diluluskan waran penjawatan baharu pada 10 Jun 2013. Keseluruhan penjawatan yang diluluskan berjumlah 418 yang terdiri daripada pelbagai lapisan gred dan skim perkhidmatan.

Jumlah jawatan yang diisi sehingga 31 Disember 2013 berjumlah 384. Ringkasan penjawatan yang diisi pada tahun 2013 seperti dalam jadual di bawah:

PERJAWATAN YANG DIISI	2013
Pengurusan Tertinggi	2
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	56
Kumpulan Sokongan 1	237
Kumpulan Sokongan 2	89
<b>Jumlah Perjawatan</b>	<b>384</b>

### 1.2 Pengambilan Staf

Salah satu peranan Unit Sumber Manusia ialah bertanggungjawab bagi menguruskan pengisian kekosongan jawatan supaya pelaksanaan program

dan aktiviti dapat dilaksanakan dengan jayanya. Berikut adalah data pengambilan staf.

PENGAMBILAN	JUMLAH
Kurator Gred S41	3
Penolong Kurator Gred S27	2
<b>Jumlah Pengambilan</b>	<b>5 orang</b>

### 1.2.1 Pekerja Sambilan Harian dan Skim Perkhidmatan Singkat

Di samping mempunyai staf yang berkhidmat secara tetap, Jabatan Muzium Malaysia juga telah melantik individu yang mempunyai kepakaran dan bidang pengkhususan akademik yang didapati dapat menyumbang ke arah peningkatan kecemerlangan jabatan khususnya dan perkhidmatan awam amnya.

Jabatan telah melantik Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan Skim Perkhidmatan Singkat (SPS). Sepanjang tahun 2013, seramai enam orang pegawai lepasan Ijazah dan diploma dilantik secara Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan melantik seramai empat orang pegawai menerusi Skim Perkhidmatan Singkat (SKS).

### 1.3 Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan

Sepanjang tahun 2013, urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan telah berjaya dilaksanakan. Antara jawatannya termasuklah:

KENAIKAN PANGKAT	2013
Kurator Gred S52 ke S54	-
Kurator Gred S48 ke S52	2
Penolong Kurator Gred S32 ke S38	-
Penolong Kurator Gred S27 ke S32	-
Pembantu Muzium Gred S17 ke S22	-
Pembantu Am Pejabat Gred N1 ke N4	-
Pekerja Awam Gred R1 ke R4	-
Pemandu Gred R3 ke R6	-
<b>Jumlah</b>	<b>2 orang</b>

PEMANGKUAN	2013
Kurator Gred Utama B	-
Kurator Gred Utama C	-
Kurator Gred S52 ke S54	-
Kurator Gred S41 ke S48	-
Kurator Gred S41 ke S44	-
Penolong Kurator Gred S32 ke S38	-
Penolong Kurator Gred S27 ke S32	1
Pengawal Keselamatan KP11 ke KP14	-
Pembantu Muzium Gred S22 ke S26	-
Pembantu Muzium Gred S17 ke S22	1
<b>Jumlah</b>	<b>2 orang</b>

#### 1.4 Pemberian Taraf Pencen

Setelah cukup perkhidmatan selama tiga tahun, seseorang staf layak dimasukkan ke dalam jawatan berpencen. Pada tahun 2013, seramai lapan orang telah diberi taraf berpencen.

#### 1.5 Persaraan

Seramai tiga orang staf Jabatan Muzium Malaysia telah bersara wajib ataupun bersara secara pilihan dengan kerajaan pada tahun 2013. Berikut adalah senarai nama staf tersebut:

BIL.	NAMA	TARIKH PERSARAAN	JAWATAN TERAKHIR
1	Hasbi bin Mat Desa	22 Mei 2013 (wajib)	Pembantu Am Pejabat N4
2	Md Saad bin Khalib	1 September 2013 (bersara pilihan)	Pekerja Awam R4
3	Ahmad Harun	10 September 2013 (wajib)	Penolong Kurator S27

### 1.5.1 Staf Jabatan Muzium Malaysia yang Meninggal Dunia dalam Perkhidmatan bagi Tahun 2013

BIL.	NAMA	TARIKH MENINGGAL DUNIA	JAWATAN TERAKHIR
1	Suhaimi bin Hussin	17 November 2013	Pekerja Awam (R1)

## 2. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Sepanjang tahun 2013, JMM telah mengadakan 77 kursus jangka pendek dalam bidang permuziuman (konservasi, koleksi, pameran, penyelidikan, penerbitan, pemasaran dan pendidikan) dan generik (teknologi maklumat, forum kurator, kewangan, keselamatan, motivasi dan keagamaan) seperti dalam Jadual 1. Latihan ini terbuka kepada warga JMM, warga muzium lain seluruh Malaysia dan orang luar. Di samping itu, staf JMM juga diberikan peluang untuk mengikuti kursus, latihan, seminar anjuran jabatan luar bagi meningkatkan kompetensi setiap staf. Secara keseluruhannya, setiap staf JMM mencapai sasaran berkursus tujuh hari dalam setahun. Pembangunan sumber manusia ini amat penting dalam memantapkan kemahiran dan sistem perkhidmatan setiap staf.



Antara kursus-kursus yang dianjurkan oleh Unit Latihan, Jabatan Muzium Malaysia

BIL.	PROGRAM/BENGGEL	TARIKH	TEMPAT
1.	Bengkel Restorasi dan Replikasi Artifak	19 -22 Feb 2013	Bilik Persidangan &Dataran Terbuka JMM
2.	Kursus Asas Prinsip Pemasaran Muzium	05 -07 Mac 2013	Bilik Persidangan JMM
3.	Bengkel Asas Konservasi Restorasi Artifak Perabot Antik	13 -15 Mac 2013	Bilik Persidangan JMM
4.	Kursus Mengenal dan Menilai Artifak (Peringkat Pertengahan)-Pengkhususan Artifak Senjata Keris	19-20 Mac 2013	Bilik Persidangan JMM
5.	Kursus Penyelidikan Muzium (Peringkat Lanjutan)	21-22 Mac 2013	Bilik Persidangan JMM
6.	Kursus Asas Teknik Penyediaan Pameran	08 – 10 Apr 2013	Bilik Persidangan JMM
7.	Kursus Asas Penerbitan (Dalam Konteks Permuziuman)	16 -18 Apr 2013	Bilik Persidangan JMM
8.	Bengkel Konservasi Preventif: Teori dan Praktis (Peringkat Lanjutan)	23 -25 Apr 2013	Bilik Persidangan JMM
9.	Kursus Asas Taksidermi (Burung)	07-10 Mei 2013	Bilik Persidangan JMM
10.	Kursus Mengenal dan Menilai Artifak: Pengkhususan Tekstil Tradisional Songket (Peringkat Pertengahan)	16 -17 Mei 2013	Bilik Persidangan JMM
11.	Bengkel Penyuntingan dalam Penerbitan (Peringkat Pertengahan)	11 - 13 Jun 2013	Bilik Persidangan JMM
12.	Bengkel Konservasi Kuratif: Konservasi Logam Artifak Perak, Tembaga dan Besi (Peringkat Lanjutan)	24 - 25 Jun 2013	Kedah, Perlis & Pulau Langkawi
13.	Kursus Penyediaan Panel Grafik Label dan Kapsyen Peringkat Pertengahan	09– 12 Sep 2013	Bilik Latihan, Teknologi Maklumat
14.	Bengkel Asas Konservasi Artifak (Logam, Kayu, Seramik, Tekstil, Kulit )	30 Sep – 04 Oct 2013	Bilik Persidangan JMM
15.	Kursus Fotografi dalam Konteks Pameran	11 - 14 Nov 2013	Bilik Persidangan, JMM
16.	Kursus Asas Rekabentuk dan Adobe Photoshop Basic dalam Bentuk Konteks Permuziuman	07 - 09 Oct 2013	Bilik Latihan Teknologi Maklumat
17.	Bengkel Rekabentuk dan Persembahan Pameran Peringkat Pertengahan	25 - 28 Nov 2013	Pusat Latihan JMM, Matang, Perak

Jadual 1: Senarai kursus/latihan/seminar di dalam negara JMM tahun 2013



Kerja berpasukan digalakkan dalam kursus-kursus anjuran Unit Latihan JMM

## 2.2 Latihan, Seminar dan Persidangan Luar Negara

Pada Tahun 2013, JMM telah menghadiri 13 latihan, seminar dan persidangan di luar negara yang telah dihadiri oleh staf JMM seperti dalam Jadual 2.

BIL.	PROGRAM/ACARA	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	The Museum Forum: Southeast Asian Museums and the Challenges of the ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC)	Bangkok, Thailand	13 – 16 Januari 2013	1
2.	Symposium for the haring of Best Practices on the Protection of National Treasures and Cultural Properties	Lampang, Thailand	25 Februari – 1 Mac 2013	1
3.	The 4th ASEAN Traditional Textiles Symposium	Hanoi dan Thai Nguyen City, Vietnam	15 – 18 Mac 2013	2
4.	Program Pengukuhan Kepakaran Profesional Muzium di London, United Kingdom	London, United Kingdom	23 Mac hingga 1 April 2013	3
5.	Seminar Serantau Pengurusan Persekitaran di Alam Melayu	Pekan Baharu, Riau, Indonesia	5 – 8 Mei 2013	1
6.	Persidangan Antarabangsa ICOM RIO 2013	Rio De Janeiro, Brazil	9 – 18 Ogos 2013	3
7.	28th SEAMEO SPAFA Governing Board Meeting and “Museums As Centres For Lifelong Learning”	Hanoi, Vietnam	25 – 30 Ogos 2013	4
8.	Asian Art Curator Forum	Guangzhou, China	10 – 14 September 2013	2

BIL.	PROGRAM/ACARA	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PESERTA
9.	Latihan Jangka Pendek di Museum of New Zealand TePapa Tongarewa dan muzium di Auckland	Wellington & Auckland, New Zealand	28 September – 8 Oktober 2013	3
10.	The 4th Asian National Museum Association (ANMA) Meeting 'Museums Contributing to Social Changes'	Hanoi, Vietnam	6 – 10 Oktober 2013	2
11.	The 2nd Yeongwool International Museum Forum	Korea	20 - 26 Oktober 2013	1
12.	"The best Practices of Museum Management in a Changing and Diversified World" ICOM	Beijing, China	3 – 14 November 2013	1
13.	ASEAN Traditional Textile Arts Community (TTAC) "Batik Workshop"	Jakarta, Pekalongan dan Yogyakarta, Indonesia	10 – 16 November 2013	2

Jadual 2: Senarai latihan, seminar dan persidangan di luar negara JMM tahun 2013

### 3. JMM DI ARENA ANTARABANGSA

Dalam usaha mengukuhkan hubungan dan memantapkan kedudukan JMM di peringkat antarabangsa, para pegawai dan staf JMM telah menghadiri beberapa persidangan, mesyuarat, seminar, lawatan kerja serta program pameran di luar negara. (Sila lihat Jadual 3)

BIL	AGENSI	BENTUK KERJASAMA
1.	ASEMUS (Asia-Europe Museum Network)	Jalinan kerjasama dalam bidang permuziuman
2.	National Museum of Korea	Program kerjasama pintar dalam bidang permuziuman - pertukaran pameran
3.	SEAMEO-SPAFA	Persidangan/ Mesyuarat Lembaga -Mengukuhkan hubungan antarabangsa melalui pertukaran idea dan maklumat permuziuman
4.	ASEAN-COCI Thailand	Persidangan dan perkongsian kepakaran dalam bidang permuziuman
5.	The Museum of the Cultures of Vietnam's Ethnic Groups, Vietnam	Persidangan dan pertukaran kepakaran dalam bidang pengurusan koleksi

BIL.	AGENSI	BENTUK KERJASAMA
6.	Universitas Riau	Seminar dan kerjasama dalam bidang penyelidikan budaya
7.	International Council of Museum (ICOM)	Persidangan dan perkongsian kepakaran dalam bidang permuziuman
8.	International Federation of Library Association (IFLA)	Persidangan dan perkongsian kepakaran dalam bidang perkhidmatan perpustakaan dan maklumat
9.	National Art Museum of China dan Guangdong Museum of Art	Persidangan dan perkongsian kepakaran dalam bidang sejarah dan kesenian
10.	Te Papa Museum, New Zealand	Program Penempatan Pembangunan Profesional
11.	Asian National Museum Association	Mesyuarat/Persidangan -Mengukuhkan hubungan antarabangsa melalui pertukaran idea dan maklumat permuziuman
12.	Vietnam National Museum of History	Program kerjasama pintar Pinjaman Koleksi Dong Son untuk pameran (menandatangani MOU)
13.	ASEAN TTAC	Latihan Permuziuman
14.	Muzium Tekstil Jakarta	Latihan Permuziuman
16.	Vietnam Museum of Ethnology	Program kerjasama pintar dalam bidang kebudayaan
17.	National Museum of Cambodia	Program kerjasama pintar dalam bidang sejarah dan kebudayaan
18.	Angkor National Museum	Program kerjasama pintar dalam bidang sejarah dan kebudayaan
20.	British Museum	Program kerjasama pintar dalam bidang pengurusan repositori (penempatan staf)
21.	National Folk Museum of Korea	Kunjungan hormat ke JMM -Menjalin hubungan kerjasama dalam bidang pendidikan muzium
22.	Guangxi Zhuang Autonomous Region Ethnic Affairs Commission	Kunjungan Hormat ke JMM -Menjalin hubungan kerjasama dalam bidang pendidikan muzium
24.	Taipei Economic and Cultural Office in Malaysia	Kunjungan Hormat ke JMM -Menjalin hubungan kerjasama dalam bidang kebudayaan

**Jadual 3:** Jaringan Kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Agensi Luar Negara tahun 2013



Bengkel Pelan Strategik Teknologi Maklumat JMM 2013-2017



## 4. MEMARTABATKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2013, Bahagian Teknologi Maklumat telah menjalankan beberapa projek ICT mengikut klasifikasi, iaitu: melaksanakan perolehan perkakasan dan perisian; mengurus keselamatan teknologi maklumat; mengurus rangkaian; mengurus perkhidmatan internet dan emel; menyokong keperluan perkakasan

dan perisian, termasuk khidmat kepakaran dan runding cara; membangun dan menyelenggara sistem aplikasi dan menguruskan laman web. Di samping itu, Bahagian Teknologi Maklumat juga telah membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat JMM untuk tempoh lima tahun dari tahun 2013 – 2017.

### 1. Unit Teknikal dan Keselamatan

#### (a) Menguruskan Rangkaian

Pengurusan keselamatan rangkaian telah dilaksanakan dengan menambah baik beberapa polisi sedia ada dalam Firewall dan Content Filter yang terdapat di ibu pejabat JMM. Dengan penambahbaikan ini, pengurusan keselamatan rangkaian dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan selain dapat membantu JMM untuk meminimumkan ancaman keselamatan yang datang dari luar dan juga dalaman. Selain peningkatan polisi Firewall di JMM, perluasan terhadap penggunaan perkakasan Firewall telah diperluas ke muzium-muzium dan sebahagian pejabat Wilayah di bawah JMM.

Lokasi yang terlibat ialah:

- Pejabat JMM Wilayah Selatan
- Muzium Tekstil
- Muzium Alam Semula jadi
- Muzium Perak
- Muzium Seni bina Malaysia
- Muzium Kota Kayang
- Galeria Perdana

#### (b) Sewaan Perkakasan ICT

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat dilaksanakan dengan baik, beberapa perkakasan ICT telah dikenal pasti bagi menggantikan sebahagian perkakasan ICT lama dan usang di ibu pejabat JMM dan sebahagian muzium-muzium di

bawah JMM. Perkakasan ICT tersebut ialah 120 unit komputer desktop, lima unit iMac, tiga unit MacBook Pro 13", sebuah MacBook Pro 15" dan 10 buah komputer riba. Tempoh sewaan ialah selama dua tahun.

### (c) Sistem Pengurusan Aset

SPA telah diperluas ke semua pejabat wilayah dan muzium secara berfasa bermula pada awal tahun 2010. Terdapat pelbagai modul yang boleh digunakan melalui SPA antaranya termasuklah Modul Pendaftaran, Modul Penempatan, Modul Penyelenggaraan, Modul Pergerakan, Modul Pemeriksaan, Modul Pelupusan dan sebagainya yang berkaitan dengan pengurusan aset alih kerajaan.

Setelah perpindahan sektor kebudayaan KPKK ke Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK), SPA telah diselaraskan semula penggunaannya melalui KPK di JMM dengan versi 4.2.


### (d) Peningkatan Keupayaan Perkakasan Rangkaian (Switches)

Terdapat beberapa perkakasan rangkaian (switches) yang telah ditingkatkan keupayaannya bersesuaian dengan keperluan dan teknologi semasa. Kebanyakan switches yang digunakan di JMM telah digunakan sejak

tahun 2002 telah digantikan dengan perkakasan yang baharu. Antara perkakasan yang terlibat termasuklah core switch, access switch, Uninterrupted Power Supply (UPS) dan rak server.

### (e) Sokongan Teknikal

Memberikan khidmat sokongan teknikal ICT kepada pegawai/kakitangan Jabatan dalam melaksanakan tugas harian.



**Carta 1** Menunjukkan statistik berkaitan Khidmat Sokongan Teknikal yang diberikan kepada JMM tahun 2013

## 2. Unit Pembangunan Aplikasi

### (a) Perluasan Sistem Tiket

Penggunaan Sistem Tiket JMM telah diperluaskan ke Muzium Diraja yang mula beroperasi pada 1 Februari 2013. Kaunter Muzium Diraja telah dibekalkan sebanyak tiga set kelengkapan sistem tiket yang mengandungi pencetak tiket, pencetak resit, stesen kerja dan laci wang tunai.

### (b) Naik Taraf Sistem Kedatangan Biometrik JMM

Naik taraf Sistem Kedatangan Biometrik JMM bertujuan:-

- Menggantikan pengimbas sedia ada kepada pengimbas yang lebih terkini dan mesra pengguna
- Menambah baik beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti, iaitu:
  - i. Pemantauan secara berterusan tidak dapat dilaksanakan oleh Ketua Unit/Bahagian
  - ii. Maklum balas datang lewat/pulang awal/tidak mengimbas tidak dapat dipaparkan dalam laporan
  - iii. Kehadiran/Kelewatan staf ke pejabat hanya dapat dikesan apabila laporan bulanan dikeluarkan
  - iv. Laporan yang dijana tidak terperinci. Contoh: tiada laporan kekerapan lewat, laporan kekerapan tidak hadir

## 3. Unit Multimedia dan Sokongan Pengguna

### (a) Penilaian Malaysia Government Portal and Websites Assesment 2013 (MGPWA)

Laman web rasmi Jabatan Muzium Malaysia telah dinilai dan telah mendapat pengiktirafan 4 bintang berdasarkan kriteria MGPWA 2013. MGPWA, mula dianjurkan oleh MDEC pada tahun 2005 melibatkan seluruh portal dan laman web agensi kerajaan. Tujuan utama penilaian ini dibuat adalah untuk menggalakkan semua agensi kerajaan memperbaiki mutu laman web/portal masing-masing yang lebih interaktif serta menyediakan lebih banyak perkhidmatan dalam talian.

**(b) Jumlah Pengunjung Laman Web JMM (www.jmm.gov.my)**

TAHUN	PENGUNJUNG
2010	133211
2011	152816
2012	160611
2013	163181

**(c) Jumlah Pengunjung Laman Web Muzium Negara (www.muziumnegara.gov.my)**

TAHUN	PENGUNJUNG
2010	44918
2011	53251
2012	65253
2013	85355

**(d) Jumlah Pengunjung Laman Web Muzium Tekstil Negara (www.muziumtekstilnegara.gov.my)**

TAHUN	PENGUNJUNG
2012	1898
2013	6123

## 5. Sumber Maklumat

### 5.1 Sumber Media

Unit Sumber Media Jabatan Muzium Malaysia bertanggungjawab membangunkan, menyelenggara, menyelia serta mewujudkan sebuah koleksi maklumat berupa bahan-bahan dan AV di Jabatan.

Sepanjang tahun 2013, Unit Sumber Media JMM telah merakamkan pelbagai aktiviti mengikut kategori seperti yang berikut.

#### Koleksi Pita DVD Di Unit Sumber Media 2013

BIL.	TAJUK	DV TAPE	DVD
1.	Peristiwa Jabatan	375 unit	781 keping
	<b>JUMLAH</b>	<b>367</b>	<b>781</b>

#### Koleksi Gambar Unit Sumber Media 2013

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1	Etnologi	2733
2	Monumen	300
3	Alam Semula Jadi	126
4	Peristiwa Jabatan	19122
5	Konservasi	695
6	Pameran	1053
	<b>JUMLAH</b>	<b>24029</b>

## Bilangan Pengguna

BIL.	KATEGORI BORANG	PELANGGAN	IMEJ
1	Pesanan Rasmi	234	111384 keping
2	Pesanan bayaran	8	66 keping
	<b>JUMLAH</b>	<b>246</b>	<b>111450 keping</b>

## Hasil Jualan Gambar Tahun 2013

BIL.	JUMLAH ORANG LUAR	JUMLAH JUALAN GAMBAR	JUMLAH HASIL (RM)
1	8 orang	66 keping	2,980.00

## 5.2 Perpustakaan

### 5.2.1 Sumber Perpustakaan

#### (a) Perolehan bahan

Pembelian buku tahun 2013	450 naskah 355 Judul	RM49,977.19
Jumlah koleksi buku sehingga tahun 2013	23862 naskah	

#### (b) Hadiah dan Pertukaran 2013

Hadiah dan Pertukaran (Monograf)	51 naskah
----------------------------------	-----------

## 5.2.2 Terbitan Bersiri

Bahan-bahan terbitan bersiri seperti jurnal dan majalah diperoleh secara percuma atau dilanggan. Terbitan bersiri ini di rekod mengikut susunan abjad.

TERBITAN BERSIRI	JUMLAH TERBITAN (UNIT)
Percuma/hadiah	223
Dilanggan	251
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>474 unit</b>

## 5.2.3. Bahan rujukan perpustakaan

Sepanjang tahun 2013, jumlah pengunjung yang menggunakan bahan-bahan rujukan mengikut pengelasan Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia adalah sebanyak 1070 buah naskhah.

JENIS BAHAN	NASKHAH/KERATAN
Buku (Monograf)	435
Keratan Akhbar	773
<b>Jumlah</b>	<b>1070</b>






Pesta Buku 2013 di PWTC

## 5.2.4 Jualan Bahan Terbitan JMM

### (a) Jualan Monograf, VCD dan DVD 2013



Penjualan telah diadakan dalam seminar, forum dan bengkel Jabatan Muzium Malaysia selain jualan bahan terbitan di perpustakaan. Pihak perpustakaan juga turut giat menjalankan jualan di pesta-pesta buku sekitar Kuala Lumpur. Pada tahun 2013, penjualan terbitan Jabatan Muzium Malaysia berjumlah RM57,673.70.

Strategi pemasaran yang meluas dan penerbitan terbaharu turut menyumbang kepada peningkatan penjualan. Jumlah jualan pada tahun lebih banyak berbanding pada tahun 2012 kerana bahan terbitan banyak dibeli oleh pembekal buku.



Penyertaan Pustakawan Perpustakaan JMM IFLA World Library and Information Congress : 79th IFLA General Conference and Assembly pada 17 hingga 23 Ogos 2013 di Suntec City, Singapura dengan tema "Future Libraries Infinite Possibilities".

## 5.2.5 Aktiviti perpustakaan sepanjang 2013

### (a) Jualan Monograf, VCD dan DVD 2013

- i. Mengadakan pinjaman kelompok sebanyak dua kali iaitu pada bulan Jun dan September.
- ii. Penyertaan Pustakawan Perpustakaan JMM IFLA World Library and Information Congress : 79th IFLA General Conference and Assembly pada 17 hingga 23 Ogos 2013 di Suntec City, Singapura dengan tema "Future Libraries Infinite Possibilities".
- iii. Jualan buku di Istana Lama Seri Menanti pada 14-19 Januari 2013.
- iv. Jualan buku sempena Pameran Topeng Sedunia=Masks Of The World di JMM pada 20 Disember 2012-20 Mac 2013.
- v. Menyertai 1 Malaysia Book Expo pada 30 Januari -3 Februari 2013 dan 11- 15 Disember 2013.
- vi. Menyertai jualan buku di Pesta Buku Antarabangsa di PWTC, Kuala Lumpur pada 26 April-4 Mei 2013.
- vii. Jualan buku di Hotel Armada Sempena Seminar Bahasa Melayu pada 5-6 Jun 2013.
- viii. Jualan buku di Program 7 Hari 7 Malam di Muzium Padi Kedah 11-17 November 2013.
- ix. Jualan Buku Di DBKL sempena Pelancaran Bulan Bahasa Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Menara DBKL pada 28 Oktober 2013.
- x. Jualan buku sempena Sidang Kemuncak Sejarah Di Wisma Sejarah Jalan Tun Razak pada 17-18 Disember 2013.

MERAKYATKAN MUZIUM MELALUI PAMERAN



# MERAKYATKAN MUZIUM MELALUI PAMERAN


## Profil

Pameran merupakan kegiatan utama Jabatan Muzium Malaysia. Pameran dikategorikan kepada Pameran Tetap, Pameran Sementara, Pameran Khas dan Pameran Bergerak (pengembangan sejarah, budaya, warisan dan alam semula jadi). Bahagian Perkhidmatan Muzium berperanan memberikan khidmat nasihat kepakaran dan perundingan kepada muzium-muzium negeri, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta institusi pengajian tinggi dalam pengurusan, penubuhan dan pameran muzium serta merangka dan melaksanakan perkhidmatan pengisian pameran muzium-muzium baharu jabatan dan kerja-kerja ubah suai naik taraf. Muzium-muzium di bawah JMM juga terlibat secara langsung dalam perancangan dan penyelidikan pameran JMM.

## Pencapaian Aktiviti Tahunan

Sepanjang tahun 2013, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya mengadakan dua pameran sementara, sembilan pameran bergerak, dua bantuan khidmat kepakaran pameran di samping satu naiktaraf muzium JMM .

Secara perbandingan mengikut tahun 2012, JMM telah mengadakan sebanyak sembilan pameran sementara dan 10 pameran bergerak.



## Pameran Sementara


### Pameran Sambutan 50 Tahun Muzium Negara

Muzium Negara merupakan pemangkin aktiviti permuziuman di Malaysia. Bermula penubuhannya pada tahun 1963, Muzium Negara menjadi pendokong yang kuat dalam usaha pemuliharaan dan pengekalan warisan koleksi khazanah negara. Penubuhannya merupakan kemuncak dalam sejarah permuziuman negara selepas pembinaan muzium-muzium terawal di Malaysia seperti Muzium Perak, Taiping (1883), Muzium Sarawak (1888) dan Muzium Selangor (1899). Setelah sekian lama masa berlalu, Muzium Negara telah mencipta satu lagi sejarah penting sepanjang penubuhannya bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-50 yang disambut serentak dengan ulang tahun ke-56 kemerdekaan negara. Bersempena Sambutan 50 Tahun ini, pameran khas bertajuk "50 Tahun Pembentukan Malaysia" telah diadakan pada 20 Ogos – 17 November 2013 bertempat di Muzium Negara. Perasmian pameran telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.



Pameran 50 Tahun Pembentukan Malaysia

YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan diiringi YBhg. Ketua Pengarah JMM melawat pameran.





Pemandangan dari atas Pameran 50 Tahun Pembentukan Malaysia





Sebahagian koleksi anak patung yang dipamerkan dalam Pameran Anak Patung Sedunia

### **Pameran Anak Patung Sedunia**

Pameran Anak Patung Sedunia yang berlangsung di Muzium Tekstil Negara Kuala Lumpur pada 9 Julai - 8 Ogos 2013 menghimpunkan koleksi anak patung yang memaparkan etnik dari pelbagai negara seperti Jepun, New Zealand dan Sepanyol. Pameran ini secara tidak langsung turut membuktikan kemahiran dan tradisi pembuatan anak patung pelbagai etnik dari seluruh dunia. Sambutan amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya yang tertarik untuk mengetahui keunikan anak patung daripada pelbagai etnik.

### **Pameran Majlis Raja-Raja: Legasi Raja-Raja Melayu**

Pameran Majlis Raja-Raja: Legasi Raja-Raja Melayu telah diadakan di Muzium Diraja. Pameran khas ini diadakan bertujuan memberi pendedahan berkenaan badan yang berperanan besar dalam institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia, iaitu Majlis Raja-Raja. Selain itu, pameran ini turut mengetengahkan peranan dan fungsi Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja sebagai Setiausaha Majlis Raja-Raja. Pameran ini berlangsung selama dua bulan bermula pada 18 November 2013 hingga 31 Januari 2014. Pelbagai koleksi milik Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja turut dipamerkan. Bilik Mesyuarat Raja-Raja juga dibuka kepada pengunjung buat julung kalinya bersempena pameran ini. Pameran ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung tempatan dan luar negara.



## Pameran Bergerak

### Pameran Smart Kids

Smart Kids 2013 merupakan sebuah pameran Pendidikan Kanak-Kanak yang terbesar di Malaysia. Pada tahun ini, JMM telah memilih untuk mengetengahkan Jabatan Muzium Malaysia serta tiga muzium di bawah pentadbirannya, iaitu Muzium Negara, Muzium Tekstil dan Muzium Alam Semula Jadi sebagai penggerak utama pameran. Pameran yang berlangsung di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur pada 19 - 21 April 2013 ini mengetengahkan fungsi muzium berkenaan melalui panel informasi serta disokong oleh beberapa spesimen terpilih daripada Muzium Alam Semula Jadi. Selain memberi penjelasan mengenai muzium, aktiviti sampingan lain seperti demonstrasi, kuiz dan "hands on" turut dijalankan. Selain itu, diadakan juga jualan buku, CD dan VCD terbitan JMM. Sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan kerana Jabatan Muzium membawa muzium kepada masyarakat tanpa menunggu mereka datang ke muzium.





Pengunjung yang melawat Pameran Topeng Sedunia (Hari Muzium Antarabangsa 2013)

### **Pameran Topeng Sedunia (Hari Muzium Antarabangsa 2013)**

Hari Muzium Antarabangsa (HMA) yang disambut oleh muzium-muzium seluruh dunia pada 18 Mei setiap tahun adalah hasil resolusi Persidangan Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) ke-12 pada tahun 1977. Sambutan Hari Muzium menunjukkan pengiktirafan kerajaan kepada kepentingan muzium serta peranannya dalam pembentukan masyarakat dan negara. Lokasi sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan pada tahun ini bertempat di Muzium Sarawak, Kuching, Sarawak pada 22 - 27 Mei 2013. Tema perayaan HMA pada tahun ini ialah Muzium (Kenangan + Kreativiti) = Perubahan Sosial. Sambutan HMA 2013 ini secara tidak langsung memberi kesempatan kepada pengunjung untuk meneroka dan mengimbuai kembali semua kenangan hasil cetusan inspirasi kepelbagaian budaya, sejarah dan alam semula jadi. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah memilih "Topeng Sedunia" sebagai tajuk pameran pada tahun ini.

### **Pameran Muzium dan Kerjaya (Muzium Perak) (Program Muzium dan Komuniti)**

Program Muzium Bersama Komuniti anjuran Jabatan Muzium Malaysia bertujuan menjadikan muzium sebuah tempat melakukan pelbagai program interaktif. Program yang berlangsung pada 6 – 7 Julai 2013 tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz. Program kali ini memilih pameran bertajuk "Muzium dan Kerjaya", iaitu penjelasan mengenai bidang-bidang tugas di Jabatan Muzium Malaysia. Pameran berkonsepkan pendedahan latar belakang penubuhan JMM dan juga bidang tugas utama di JMM termasuklah pembabit jabatan ini dalam penyelidikan, pameran, pendaftaran, penerbitan, pendidikan, konservasi dan pengawetan. Sambutan amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya yang berminat untuk mengetahui kerjaya dan tugas utama di muzium.

### **Pameran Muzium Automobil (Ekspo Kejuruteraan dan Teknologi)**

Pameran Muzium Automobil yang diadakan bersempena Ekspo Kejuruteraan dan Teknologi pada 17 - 18 Jun 2013 bertempat di Dewan Sri Sarjana, UNITEN, Bangi ini berkonsepkan penggunaan "QR Code". "QR Code" merupakan kod 2D yang boleh menyimpan data di dalamnya. Ia boleh menyimpan alamat laman sesawang, maklumat sesuatu perkara, alamat e-mel, karangan, video dan lain-lain lagi. "QR Code" atau "Quick Response" memaparkan satu kod segi empat yang menyerupai kod-kod lain yang boleh dijumpai pada kebanyakan produk. "QR Code" dapat menambah pengalaman pameran ini. Artifak akan menjadi menarik dan pengunjung boleh berkomunikasi dengan artifak tersebut. Dengan sekali imbas, pengunjung akan menjadikan telefon sebagai "pemandu pelancong".

### **Pameran Muzium dan Kerjaya (Festival Konvokesyen UM)**

Pameran Muzium dan Kerjaya diadakan bersempena Festival Konvokesyen Universiti Malaya 2013 pada 29 September hingga 4 Oktober 2013 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Festival Konvokesyen Universiti Malaya merupakan satu wahana bagi meraikan graduan sepanjang Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya berlangsung. Di samping memberi penjelasan mengenai bidang-bidang tugas dan kerjaya di Jabatan Muzium Malaysia, pameran ini turut memberi pendedahan latar belakang penubuhan JMM dan juga bidang tugas utama di JMM termasuklah pembabitan jabatan ini dalam penyelidikan, pameran, pendaftaran, penerbitan, pendidikan, konservasi dan pengawetan. Sambutan pameran ini amat menggalakkan dari pelbagai lapisan masyarakat terutamanya yang berminat untuk mengetahui kerjaya dan tugas utama di muzium.



Warga Taiping menunjukkan minat terhadap Pameran Kilauan Emas Menawan

### **Pameran Kilauan Emas Menawan (Muzium Perak) (Program Muzium dan Komuniti)**

Pameran ini diadakan bersempena dengan Program Muzium Bersama Komuniti di galeri pameran sementara di Muzium Taiping, Perak pada 6 - 7 Julai 2013. Pameran yang menentangakan 61 koleksi emas JMM telah dipamerkan di galeri pameran sementara di Galeri A, Muzium Perak Taiping. Antara koleksi tersebut termasuklah koleksi perhiasan diri, senjata, tekstil dan pelbagai koleksi lain yang dihasilkan daripada emas. Artifak-artifak yang dipamerkan tersebut turut disokong dengan panel maklumat dan kapsyen mengenai sejarah serta keterangan mengenai barangan emas tersebut. Pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada penduduk tempatan dan sekitar yang berdekatan Taiping.

### **Pameran Muzium dan Kerjaya (Pesta Konvokesyen UKM)**

Pameran Muzium dan Kerjaya diadakan bersempena Pesta Konvo Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-41. Pameran telah diadakan pada 24 - 29 Oktober 2013 di Dewan Gemilang, UKM. Sambutan amat menggalakkan daripada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia terutamanya yang tertarik untuk mengetahui kerjaya dan tugas utama di muzium. Pameran ini juga dijadikan sebagai landasan serta maklumat terkini mengenai peluang kerjaya dalam pasaran untuk pengetahuan masyarakat khususnya graduan lepasan universiti yang akan melangkah ke alam pekerjaan.

### **Karnival 7 Hari 7 Malam Muzium Padi**

Karnival 7 Hari 7 Malam Muzium Padi yang telah diadakan pada 17 - 25 November anjuran Lembaga Muzium Negeri Kedah dalam usaha mempertingkatkan promosi negeri Kedah termasuk kepada pelancong luar negeri. Karnival yang diadakan di perkarangan Muzium Padi, Gunung Keriang di Alor Setar dibuka dari pukul 9 pagi hingga 11 malam. Perasmian karnival ini telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, YB Dato' Paduka Mukhriz bin Tun Dr Mahathir. Pameran ini merangkumi panel maklumat yang menerangkan tentang latar belakang, sejarah serta koleksi muzium berkenaan serta disokong oleh beberapa artifak yang terpilih. Selain memberi penjelasan mengenai muzium, aktiviti sampingan lain seperti demonstrasi, kuiz dan acara spontan turut dijalankan. Dianggarkan lebih kurang 200 000 pengunjung hadir ke karnival tujuh hari itu.

### **Pameran Sejarah Bahasa Melayu (Pelancaran Minggu Bahasa anjuran DBP)**

Pameran ini diadakan bersempena dengan pelancaran Minggu Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Menara DBKL, Kuala Lumpur pada 17 November 2013. Perasmian pameran telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Awang bin Sariyan, Ketua Pengarah DBP. Pameran ini antara lainnya memaparkan tentang sejarah dan perkembangan bahasa Melayu mengikut daerah, dielek sosial, peranan penggunaan bahasa, tokoh-tokoh dan hasil karya, tanggungjawab institusi-institusi dan polisi berkaitan bahasa Melayu. Pameran ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya para pelajar, ahli akademik serta pencinta bahasa kebangsaan.



Kakitangan JMM menerangkan tentang kaedah pengawetan kepada pengunjung Pameran Muzium dan Kerjaya



Pengunjung melawat Karnival 7 Hari 7 Malam Muzium Padi



Antara bahan yang dipamerkan dalam Pameran Sejarah Bahasa Melayu



Pelajar sekolah mengunjungi Pameran sempena 130 tahun Muzium Perak



Pelajar tertarik dengan Pameran sempena 130 tahun Muzium Perak



Pelajar sekolah menyertai kuiz yang dianjurkan sempena pameran 130 tahun Muzium Perak

### **Pameran Sempena 130 Tahun Muzium Perak**

Bermula 1 Oktober hingga 31 Disember 2014, Muzium Perak telah mengadakan pameran khas Sempena 130 tahun penubuhan Muzium Perak. Objektif pameran ini diadakan untuk mengimbuai semula asal-usul penubuhan Muzium Perak. Muzium bukan sahaja dijadikan tempat pengumpulan artifak tetapi sebagai tempat penyelidikan bahan geologi dan mineral. Antara bahan yang dipamerkan seperti gambar Kurator pertama hingga tahun 2014, peralatan-peralatan pejabat yang pernah digunakan, buku-buku nadi, bahan-bahan binaan, dan pakaian seragam kakitangan.

## Kepakaran Dalam Bidang Pameran Diiktiraf

### Pemasangan dan Hiasan Booth JMM (Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KPK)

Majlis Sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri telah diadakan pada 3 September 2013 bertempat di Malaysia Tourism Centre (MaTic) anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat melalui perkongsian perayaan dalam suasana yang aman dan harmoni. Perasmian rumah terbuka ini telah disempurnakan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz. Konsep rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri KPK kali ini memerlukan penglibatan semua agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Gerai JMM mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung.

### Pameran Antidadah

Pameran Antidadah telah diadakan pada 10 September 2013 oleh Sekolah Sri Serdang, Selangor. Pameran ini diadakan bertujuan menyedarkan pelajar bahayanya penyalahgunaan dadah kepada manusia. Selain tayangan video, bahan-bahan lain dalam pameran itu ialah lukisan poster, gambar-gambar mereka yang terlibat dalam penagihan dadah, keterangan tentang akta dadah berbahaya dan lain-lain lagi turut dipamerkan. Bantuan yang diberikan oleh pihak JMM melibatkan bantuan teknikal untuk pengisian pameran tersebut.



Kakitangan JMM bergambar di gerai JMM sempena Majlis Sambutan Rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri KPK





Kerja-kerja menaik taraf Muzium Etnologi Dunia Melayu



## Muzium Berwajah Baharu

### Naik Taraf Muzium Etnologi Dunia Melayu

Bangunan Muzium Etnologi Dunia Melayu terletak bersebelahan dengan Muzium Seni Kraf Orang Asli dan juga berdekatan dengan Muzium Negara. Bangunan ini berkonsepkan rumah Melayu Tradisional yang jelas dapat dilihat pada reka bentuk bumbungnya. Muzium ini mempunyai koleksi yang terunggul dan sukar diperolehi yang terdapat di Malaysia. Antara koleksi yang dipamerkan di muzium ini termasuklah tekstil, senjata, ukiran, alat logam dan teknologi, perhiasan diri, permainan masa lapang, pelayaran, wayang kulit, perkahwinan dan alat muzik. Kerja-kerja menaik taraf Muzium Kebudayaan

fasa pertama telah dilaksanakan pada tahun 2012, manakala kerja-kerja pengisian galeri dan pameran dilaksanakan dalam fasa kedua pada tahun ini. Kerja-kerja menaik taraf fasa kedua ini melibatkan kerja-kerja pengisian galeri termasuklah kapsyen keterangan dan peragaan artifak. Kerja-kerja naik taraf telah siap sepenuhnya pada bulan November 2013 dan telah dibuka untuk lawatan orang ramai.



# KOLEKSI SEBAGAI NADI UTAMA MUZIUM

## Profil

Pengurusan koleksi merupakan salah satu fungsi JMM untuk mengumpul warisan harta kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi negara dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan dokumen-dokumen yang berkaitan serta mendokumentasi, memulihara dan menyimpankannya sebagai sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, rujukan dan pameran. Pengurusan koleksi terletak di bawah portfolio Bahagian Pendaftaran. Berikut ialah fungsi Bahagian Pendaftaran, Jabatan Muzium Malaysia:

1. Mendaftarkan semua koleksi artifak Jabatan mengikut penjenisan yang ditetapkan secara manual atau berkomputer.
2. Menyediakan satu sistem maklumat semua artifak yang mudah dan lengkap.
3. Menguruskan semua koleksi dari segi penyimpanan, pemuliharaan dan keselamatan.
4. Menguruskan pinjaman koleksi bagi tujuan aktiviti pengembangan dan pendidikan.

## Pencapaian Aktiviti Tahunan

Pada tahun 2013, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya melaksanakan perolehan sejumlah 717 artifak menjadikan jumlah keseluruhan artifak di Jabatan Muzium Malaysia berjumlah 30439.

KLASIFIKASI	BILANGAN (1963-2010)	2012	2013	JUMLAH KESELURUHAN
Pakaian dan Tekstil	3482	286	1014	7465
Perhiasan Diri	2423		140	
Alat dan Perusahan	9460	280	182 93	10219
Peralatan Berkaitan Api	386	2	1	389
Rumah	49	–	–	49
Alat Bunyi-bunyian	977	26	1	1029
Senjata dan Alat Peperangan	2523	44	35	2639
Agama	256	5	–	269
Perubatan dan Sihir	121	10	–	133
Pertanian	217	9	6	233
Permainan dan Hiburan	287	–	3	297
Temakan	28	–	–	28
Topeng	227	218	14	470
Wayang Kulit	2914	–	–	2914
Mata wang	507	2	–	509
Pengangkutan	99	3	1	104
Setem dan Sampul Surat	948	–	264 159	1371
Koleksi lain	2223	–	–	2223
Spesimen	–	59	–	87
Perangkap	–	1	–	11
	27127		717	30439



# KONSERVASI ARTIFAK MUZIUM MENJADI TARIKAN

## Profil

Pusat Konservasi Jabatan Muzium Malaysia berperanan memastikan bahan-bahan koleksi Jabatan Muzium Malaysia berada dalam keadaan baik dan terpelihara. Matlamat ini direalisasikan melalui kerja-kerja penyelidikan dan konservasi artifak.

## Fungsi Pusat Konservasi

1. Melaksanakan kerja-kerja penganalisan, penyelidikan, rawatan dan pemeliharaan koleksi muzium bagi tujuan pameran, simpanan, pendidikan dan dokumentasi.
2. Menjalankan kerja-kerja pencegahan kerosakan dan membaik pulih artifak.
3. Pemantauan sistem kawalan suhu, kelembapan, pencahayaan dan makhluk perosak yang terdapat di dalam stor koleksi dan galeri-galeri muzium.
4. Memberi latihan dan khidmat nasihat mengenai konservasi kepada kakitangan dan agensi berkaitan.



Kakitangan Pusat Konservasi melakukan aktiviti membaik pulih artifak



YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan mendengar penerangan tentang konservasi lokomotif daripada kakitangan JMM.

## Aktiviti Konservasi

### Bahan Organik

Bahan organik ialah bahan yang berasaskan karbon dan sumbernya adalah daripada tumbuhan dan haiwan. Bahan organik mudah menyusut dan dirosakkan oleh serangan ejen perosak. Contoh bahan organik ialah rotan, buluh, kayu bulu dan kulit.

### Bahan bukan Organik

Bahan bukan organik ialah bahan yang terdiri daripada campuran mineral dan tidak terbentuk hasil daripada pertumbuhan semula jadi organisma hidup. Contoh bahan bukan organik ialah logam dan batu.

### Konservasi Pencegahan

Tindakan yang dilakukan bagi menghalang pelapukan semula jadi objek akibat keadaan persekitaran seperti suhu, kelembapan, cahaya dan juga perosak seperti serangga, fungus dan pencemaran udara.

### Konservasi Kuratif

Konservasi kuratif ialah tindakan yang diambil untuk merawat objek yang mengalami proses deteriorasi. Tindakan yang diambil ialah bertujuan menghentikan atau merencat proses deteriorasi objek tersebut.

### Restorasi

Prosedur rawatan yang dilakukan dengan tujuan mengembalikan barangan kebudayaan kepada keadaan sedia kala dengan menggunakan bahan yang hampir sama dengan bahan asal.



## Pencapaian

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 1833 artifak telah dikonservasi bagi kategori organik dan bukan organik. Sebanyak 284 artifak organik telah dikonservasi, manakala bagi artifak bukan organik pula sebanyak 708 artifak telah dikonservasi. Sebanyak 841 artifak dikonservasi bagi tujuan preventif.






# PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

## Profil

Penyelidikan merupakan satu daripada bidang teras dalam perkhidmatan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang memainkan peranan penting ke arah mencapai objektif JMM untuk memelihara, mengekalkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan tentang warisan negara. Penyelidikan yang dijalankan di JMM terdiri daripada penyelidikan sejarah, budaya, alam semula jadi, pameran dan koleksi. Bahagian Penyelidikan berperanan mengukuh dan mengembangkan bidang penyelidikan, dokumentasi dan penerbitan bagi memartabatkan fungsi JMM sebagai institusi penyebaran ilmu pengetahuan dalam bidang pameran, koleksi, sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.

Terdapat tiga jenis penyelidikan yang dijalankan di JMM dan menggunakan perkhidmatan di JMM, iaitu penyelidikan yang dilaksanakan oleh kakitangan JMM sendiri, penyelidikan yang dilaksanakan secara kerjasama dengan pihak luar dan penyelidikan yang dijalankan oleh pihak luar untuk JMM.

Selain penyelidikan, Bahagian Penyelidikan juga bertanggungjawab menyelaras segala urusan penerbitan am dan khas JMM, meliputi hasil kajian, penyelidikan, artikel dan karya kakitangan JMM mahupun pihak luar agar dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan memastikan setiap penerbitan Jabatan mengikut dasar dan garis panduan penerbitan yang telah ditetapkan.



## Penyelidikan

Penyelidikan yang dijalankan di JMM merangkumi penyelidikan pameran, sejarah, budaya, alam semula jadi dan koleksi. Bagi tahun 2013, sebanyak lima aktiviti penyelidikan telah dilaksanakan oleh JMM, iaitu;

1. Majlis Raja-Raja – Penaung Legasi Raja-Raja Melayu
2. 130 Tahun Muzium Perak (1883 – 2013 : Dahulu, Kini dan Selamanya)
3. Katak dan Kodok
4. Ekotika Borneo
5. 60 Tahun Penubuhan Malaysia

Selain itu, JMM bertanggungjawab menyelaras dan memantau penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik luar yang terdiri daripada pelajar IPTA/IPTS/agensi. Seramai 236 pelajar pelbagai bidang pengkhususan telah menjalankan penyelidikan di muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM.

## Penerbitan

Penerbitan merupakan wahana penting bagi JMM dalam mengekalkan, mengumpulkan dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan mengenai sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kepada masyarakat pembaca di seluruh dunia amnya seiring dengan matlamat, visi dan misi JMM.

Penerbitan JMM terdiri daripada penerbitan am dan penerbitan khas JMM meliputi hasil kajian, penyelidikan, artikel dan karya kakitangan JMM mahupun pihak luar agar dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan memastikan setiap penerbitan jabatan mengikut dasar dan garis panduan penerbitan yang telah ditetapkan.



## Pencapaian Aktiviti Tahunan

Pada tahun 2013, JMM telah menerbitkan empat judul buku, iaitu:

### Muzium Tekstil Negara (Coffee Table)

Buku yang menghimpunkan maklumat galeri dan koleksi Muzium Tekstil Negara.



### Sejarah Ringkas Bahasa Melayu

Buku ini memaparkan secara ringkas sejarah bahasa Melayu dalam peredaran zaman



### Berita JMM Jilid 13 Bil. 1 Jan - April 2013

Wadah penyebaran maklumat/berita jabatan, aktiviti kakitangan JMM



### Berita JMM Jilid 14 Bil. 2 Mei - Ogos 2013



## PROGRAM UTAMA

### Profil

Tahun 2013 memperlihatkan kepada kita tiga program utama JMM iaitu:

1. Hari Muzium Antarabangsa
2. Muzium Bersama Komuniti di Perak
3. Sambutan 50 Tahun Muzium Negara

## Pencapaian Aktiviti Tahunan

### Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2013

Pada 22 – 26 Mei 2013 telah diadakan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2013 di Kuching, Sarawak. Tema hari Muzium pada tahun ini ialah “Muzium (Memori+Kreaviti)=Perubahan Sosial”. Peserta adalah terdiri daripada kakitangan muzium-muzium dari seluruh Malaysia termasuk muzium bawah kendalian pihak swasta, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Terdapat juga penyertaan daripada Muzium Indonesia dan Brunei. Pelbagai acara menarik telah

diadakan seperti sukaneka, “Museum Walk”, aktiviti khidmat masyarakat, dan Seminar Antarabangsa yang bertajuk “*Memories and Creativities in Rock Art*”. Buat julung kalinya majlis sambutan ini juga telah dihadiri oleh Presiden ICOM, Dr. Hans Martin-Hinz. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Haji Taib bin Mahmud bertempat di Dewan Tun Abdul Razak, Muzium Sarawak. Sambutan yang berlangsung selama empat hari ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelancong dan masyarakat di negeri Sarawak.



Sekitar Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2013





YBhg. Ketua Pengarah JMM memberi penerangan tentang Muzium Perak kepada YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan



YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan melawat gerai Program Muzium Bersama Komuniti

## Program Muzium Bersama Komuniti di Muzium Perak

Buat julung kalinya Jabatan Muzium Malaysia mengadakan Program Muzium Bersama Komuniti bermula pada 6 – 7 Julai 2013 di Muzium Perak. Majlis telah dirasmikan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Pelbagai acara menarik telah diadakan sepanjang program tersebut berlangsung. Antara acara yang diadakan demonstrasi masakan tradisional termasuklah masakan dodol, rendang tok, kuih peneram, muruku dan vadei, demonstrasi pembuatan produk kraf tangan seperti seni tekatan, seni pembuatan acuan kuih daripada tembaga, seni anyaman buluh, dan seni anyaman ketupat. Di samping itu, terdapat juga gerai pameran dan jualan antaranya daripada FAMA, Muzium Telekom, travel agensi dan Bukit Merah Laketown Resort. Demonstrasi permainan tradisional juga turut dijalankan seperti permainan kaki hantu, kasut gergasi, galah panjang dan menyumpit belon turut dijalankan bagi menarik minat golongan muda hadir untuk turut serta dalam aktiviti yang dijalankan. Tetamu yang hadir pula dihiburkan dengan persembahan wayang kulit, persembahan gambus dan tarian dabus. Acara yang dijalankan selama dua hari ini berjaya menarik seramai 8295 pengunjung.



YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menandatangani plak pameran



YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan melihat koleksi motosikal di perkarangan Muzium Perak



Perasmian Sambutan 50 Tahun Muzium Negara

## Perasmian Sambutan 50 Tahun Muzium Negara

Pada 31 Ogos 2013, Muzium Negara telah menyambut ulang tahun Jubli Emas sejak perasmianya pada 31 Ogos 1963. Bersempena dengan itu, pelbagai program telah dirangka bagi meraikan Sambutan 50 Tahun Muzium Negara antaranya termasuklah Pelancaran Duit Syiling yang memaparkan mural Muzium Negara dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, setem khas yang memaparkan sepuluh muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia dengan sepuluh koleksi terpilih menggunakan kaedah termokronik dan sampul surat pertama dengan kerjasama Pos Malaysia Berhad serta pelancaran aplikasi 'M-Code' di Galeri B Muzium Negara.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Bersempena sambutan 50 tahun ini juga pelbagai program sampingan dan aktiviti telah diatur antaranya termasuklah pameran khas, iaitu Pameran 50 Tahun Pembentukan Malaysia yang diadakan dari 20 Ogos – 17 November 2013, Seminar Bicara 50 Tahun Muzium Negara, Program Bermalam di Muzium. Secara keseluruhannya, program sambutan 50 Tahun ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dan merapatkan hubungan silaturahim antara muzium dan komuniti serta telah berjaya memartabatkan Muzium Negara sebagai muzium terulung di negara kita.



Pelancaran Duit Syiling yang memaparkan mural Muzium Negara.



Konvoi motosikal sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara.

## Program dan Acara Pemasaran 2013

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
1.	Program Jom Makan Durian bersama kakitangan JMM	8 Jan. 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	
2.	Petandingan Mewarna Topeng bersempena Pameran Topeng Sedunia	26 Jan. 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kategori: Sek.Ren.Keb berumur 10 hingga 12 tahun</li> <li>- <b>Pemenang Tempat Pertama:</b> Leong Ka Hei (12 tahun) Sek.Ren.Keb Assunta (1)</li> <li><b>Kedua:</b> Nurin Qistina Damia (12 tahun) Sek.Ren.Agama Integrasi Sek. 19, Shah Alam</li> <li><b>Ketiga:</b> M. Hafiz Danial bin Kamal (12 tahun) Sek.Ren.Keb. Seri Manjung.</li> </ul>
3.	Perlawanan Badminton Persahabatan antara Waris, JMM dan Pujangga Kreatif	1 Feb. 2013	Gelanggang Badminton, Istana Negara Lama	
4.	Persembahan Tarian Topeng Orang Ulu	2 & 3 Feb. 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dipersembahkan oleh Dayak Culturer Foundation</li> <li>- Dibawakan khas dari negeri Sarawak</li> </ul>
5.	Persembahan Silat Cekak Malaysia	9,16 Feb. & 2,16 Mac 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	
6.	Persembahan Kumpulan Pusat Pancaragam Polis Diraja Malaysia	10 & 17 Feb. 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	
7.	Persembahan Tarian Topeng JooH (Orang Asli)	16 & 17 Feb. 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	
8.	Persembahan Pancaragam SMK Tinggi Klang	3 & 10 Mac 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	
9.	Persembahan Pancaragam SMK Victoria	24 Mac 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
10.	Persembahan Pancaragam SMK Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah	17 & 31 Mac 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	
11.	Pertandingan Mewarna Topeng Sekolah Menengah	2 Mac 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	- Kategori: Sek.Men.Keb berumur 13 hingga 15 tahun - <b>Pemenang Tempat Pertama:</b> Amy Nora binti Hamzah, Sek. Men.Keb. TTDI <b>Kedua:</b> Muhamad Hafiz Asaad bin Abd. Malek, Sek. Men. Keb. Batu Muda <b>Ketiga:</b> Nurul Hidayah, Sek. Men. Keb. TTDI
12.	Persembahan Tarian Barongan	2 & 3 Mac 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	- Dipersembahkan oleh JKKN Johor
13.	Persembahan Kebudayaan Negeri Kelantan, (Seni Silat Tari, Muay Thai, Tarian Topeng/ Kateh Hantu, Dikir Barat)	16 & 17 Mac 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	- Dipersembahkan oleh Kelab Sukan dan Kebudayaan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
14.	Pertandingan Silat Gayung Fatani oleh PESAKA	16 & 23 Mac 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	
15.	Pertandingan Membuat Topeng	16 Mac 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	- Kategori: Sek.Men.Keb berumur 13 hingga 15 tahun <b>Pemenang Tempat Pertama:</b> Amy Nora binti Hamzah, Sek. Men.Keb. TTDI <b>Kedua:</b> Arsyad bin Ammar, Sek.Men.Keb. Pandan Jaya <b>Ketiga:</b> Mohd Amirul bin Ariff, Sek.Men. Keb Pandan Jaya

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
16.	Majlis Graduasi Sukarelawan Muzium 2012	16 Mac 2013	Auditorium, JMM	54 orang sukarelawan graduasi. 20 Malaysia dan 18 Jepun, selebihnya berasal dari Perancis, UK, Poland, Singapura, Australia dan Korea. Jumlah keseluruhan:180 orang
17.	Minggu Bahasa Perancis oleh Sukarelawan Muzium  1. Program Sekolah- Lawatan Berpandu Bahasa Perancis  2. Night @ Muzium 21 Mac -'Talk' (110 orang)	18-21 Mac 2013	Muzium Negara	Sekolah yang terlibat: 1. Sek. Seri Puteri Cyberjaya 2. Sek Seri Cempaka 3. UPNM 4. Sek. Sultan Mahmud 5. Sek.Men.Raja Perempuan Ipoh 6. IPGM BA 7. Sek. Men. Sains Semberong 8. UNIKL NFI 9. SBPI Rawang  Objektif : Memberi pendedahan kepada pelajar sekolah dalam menguasai bahasa ketiga- bahasa Perancis dan mempromosikan Muzium Negara dalam kalangan warga Perancis yang berada di negara ini.  Jemputan terdiri daripada penutur bahasa Perancis di Kuala Lumpur termasuk pegawai dari kedutaan, pelajar, pekerja sektor swasta dan sebagainya.
18.	Majlis Sidang Media Pameran Katak dan Kodok dari 22 Mac – 22 April 2013	22 Mac 2013	Muzium Alam Semula Jadi, Putrajaya	Tetamu Kehormat YBhg. Dato', En. Wan Jamaluddin, En. Shawali, En. Kamarul, Pn. Janet, En. Rosli dan pegawai-pegawai JMM yang lain.
19.	Program Smart Kids	19-21 April 2013	PWTC	Buka booth Jom Like Facebook dan Sahabat Muzium
20.	Persembahan Pasukan Drumline dan Tarian Kebudayaan SMK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	April 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
21.	Majlis Perasmian Pameran Diploma MARI 2013	26 April 2013	Muzium Tekstil Negara	Melibatkan 57 karya pelajar diploma tahun akhir Jabatan Seni Reka tekstil (AD112) dan Seni Reka Logam Halus (AD113) dan lapan hasil karya pensyarah dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) UiTM Machang, Kelantan
22.	Majlis Ramah Mesra YBhg. Dato' KP bersama Agensi Pelancongan dan Pemandu Pelancong	2 Mei 2013	Gelanggang Badminton, Muzium Diraja, Istana Negara Lama	
23.	Perasmian Pameran Japan Handmade Design From Kyoto	10 Mei 2013	Muzium Tekstil Negara	
24.	Persembahan Pancaragam SMK (P) Convent Bukit Nanas	12 Mei 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	Terdiri daripada 10 orang pelajar dari SMK (P) Convent Bukit Nanas
25.	Majlis Sidang Media Sempena Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2013	13 Mei 2013	Muzium Negara	
26.	Program Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat JMM 2013	18 Mei 2013	Muzium Negara	Pelbagai program disediakan seperti: - Hadiah kepada pengunjung bertuah di Muzium Negara - Persembahan pancaragam - Jualan gerai
27.	Perasmian Pameran Pakaian Sedunia Anak Patung	9 Julai 2013	Muzium Tekstil Negara	
28.	Sidang Media Sambutan 50 tahun Muzium Negara	20 Ogos 2013	Muzium Negara	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
29.	Bermalam di Muzium Negara	30 Ogos-1 Sep 2013	Muzium Negara	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
30.	Mewarna Mural sempena 50 tahun Muzium Negara	31 Ogos 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
31.	Bermalam di Muzium Negara	30 Ogos-1 Sep. 2013	Muzium Negara	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
32.	Mewarna Mural sempena 50 tahun Muzium Negara	31 Ogos 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
33.	Kibar jalur gemilang bersempena Sambutan Kemerdekaan	31 Ogos 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
34.	Persembahan Pancaragam	31 Ogos 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
35.	Persembahan Kebudayaan	1 Sep. 2013	Muzium Negara	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
36.	Majlis Tahliil sempena 50 Tahun Muzium Negara	2 Sep. 2013	Dataran Muzium Negara, JMM	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
37.	Seminar Bicara 50 Tahun Muzium Negara	3 Sep. 2013	Auditorium, JMM	Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara
38.	Majlis Korban dan Aqiqah JMM sempena sambutan Hari Raya Aidiladha	18 Okt. 2013	Stadium Badminton Muzium Diraja	Tetamu Kehormat: TKP JMM
39.	Program Bicara Tekstil Zandra Rhodes "Jalanan Cinta Tekstil Sepanjang Hayat" ( <i>The Birth of The Pearl Fishers An Opera by Bizet</i> )	11 Nov. 2013	Auditorium, JMM	
40.	Majlis Perasmian Pameran Zandra Rhodes "Jalanan Cinta Tekstil Sepanjang Hayat" ( <i>A LifeLong Love Affair With Textiles</i> )	12 Nov. 2013	Muzium Tekstil Negara	Dirasmikan oleh Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar Alhaj, DK, DK(Johor), SPMJ
41.	Majlis Perasmian dan Sidang Media Pameran Majlis Raja-Raja: "Penaung Legasi Raja-Raja Melayu"	18 Nov. 2013	Balairung Seri, Muzium Diraja	Tetamu Kehormat: Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja
42.	Program sentapan Muzium Diraja 2013 Bersama Media	8 Dis. 2013	Muzium Diraja, Istana Negara Lama	Pertandingan memancing -Cabutan bertuah -Makan durian



Salah seorang Sukarelawan Muzium yang mengajar bahasa Perancis.



Peserta mendengar taklimat daripada Sukarelawan Muzium dalam bahasa Perancis.



Sukarelawan Muzium di Majlis Graduasi.

## Sukarelawan Muzium Jabatan Muzium Malaysia

### Program Minggu Bahasa Perancis di Muzium Negara

Pada 18 – 21 Mac 2013, telah diadakan Minggu Bahasa Perancis di Muzium Negara. Pada setiap pagi sekitar pukul 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari, pelajar sekolah dibawa menerokai Muzium Negara oleh Sukarelawan Muzium yang disampaikan sepenuhnya dalam bahasa Perancis. Seramai 250 pelajar sekolah yang mengambil bahagian yang terdiri daripada pelajar sekolah-sekolah menengah dan IPTA di Malaysia yang mempelajari subjek Bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga. Sekolah dan institusi yang terlibat ialah SMK Seri Puteri, Sekolah Seri Cempaka, SMK Sultan Mahmud, SM Sains Semberong, SBPI Rawang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Kuala Lumpur dan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan kepada para pelajar mengenai Muzium Negara dan sebagai latihan kepada para pelajar untuk bertutur dalam bahasa Perancis. Acara kemuncaknya pada 21 Mac 2013 jam 7.00 malam apabila satu program khas “Nuit au Musee” atau “Night at the Museum” diadakan. Bertempat di Galeri B, Muzium Negara, program ini diisi dengan ceramah bahasa Perancis bertajuk “*La decouverte de l’esprit Malais au travers du Keris*”. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan komuniti Perancis yang berada di Malaysia.

### Majlis Graduasi Sukarelawan Muzium 2013

Majlis ini telah diadakan pada 16 Mac 2013 pada pukul 9.30 pagi bertempat di Auditorium, JMM. Seramai 54 sukarelawan muzium telah berjaya menamatkan kursus mereka pada tahun ini dan sekali gus menjadikan bilangan keseluruhan 157 orang sukarelawan. Mereka ini terdiri daripada 20 warganegara Malaysia, 18 Jepun, dan selebihnya dari Perancis, UK, Poland, Singapura, Australia dan Korea. Mereka telah mengikuti kelas pembelajaran mengenai sejarah, adat dan budaya Malaysia selama tiga bulan bermula pada bulan September 2012. Selain itu, mereka turut mempelajari mengenai artifak-artifak yang terdapat di dalam galeri Muzium Negara. Dengan berakhirnya majlis graduasi ini, sukarelawan muzium baharu ini akan bertugas untuk membuat lawatan berpandu kepada pelawat dalam dan luar negara yang berkunjung ke Muzium Negara, pada setiap Isnin-Jumaat, pukul 10.00 – 11.00 pagi.



Puan Mas Ayu Zahrah memberi taklimat ringkas tentang bahasa Melayu.



Sukarelawan Muzium berminat mengetahui tentang bahasa Melayu.

## Kursus Bahasa Melayu Sukarelawan Muzium

Kursus Bahasa Melayu ini berlangsung selama tiga bulan, iaitu dari bulan Oktober hingga Disember 2013. Tenaga pengajar ialah Puan Mas Ayu Zahrah binti Yussof, berpengalaman dalam bahasa Inggeris-bahasa Melayu dan merupakan Pengasas Bahasa ALS. Seramai 17 pelajar telah mengikuti kursus ini. Mereka ialah Sukarelawan Muzium JMM yang terdiri daripada pelbagai negara seperti Jepun, Australia, Perancis, dan UK. Objektif program ini adalah untuk melatih sukarelawan muzium bertutur dalam bahasa Melayu. Selain itu, iadapat memudahkan komunikasi dua hala antara sukarelawan muzium dengan pelawat dan kakitangan muzium khususnya. Kursus ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada Sukarelawan Muzium.



Antara pemandu pelancong yang menghadiri taklimat pelancongan Sungai Lembing.

Ketua Muzium Sungai Lembing menyampaikan cenderahati kepada wakil Persatuan Pemandu-Pemandu Pelancong.



## Taklimat Pelancongan Sungai Lembing kepada Persatuan Pemandu - Pemandu Pelancong Seluruh Malaysia

Taklimat Pelancongan Sungai Lembing kepada Persatuan Pemandu - Pemandu Pelancong Seluruh Malaysia telah diadakan pada 13 Januari 2013 bertempat di Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan, Unit Sungai Lembing. Taklimat ini diadakan bertujuan mempromosikan produk pelancongan yang terdapat di sekitar Sungai Lembing. Puan Rebiah telah dijemput untuk memberikan taklimat mengenai Muzium Sungai Lembing kepada pemandu pelancong yang datang dari seluruh Malaysia. Seramai 60 ahli persatuan telah menyertai taklimat ini.

## Program dan Acara Sukarelawan Muzium 2013

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Potluck bersempena Chinese New Year 2013	26 Jan. 2013	Bilik Mesyuarat Sukarelawan Muzium, JMM
2.	Lawatan Sambil Belajar	19 Feb. 2013	Masjid Wilayah Kuala Lumpur
3.	Program Minggu Bahasa Perancis	18-21 Mac 2013	Muzium Negara
4.	Lawatan Sambil Belajar	5 & 9 Mac 2013	Muzium Diraja
5.	Majlis Graduasi Sukarelawan Muzium 2012	16 Mac 2013	Auditorium JMM
6.	Kursus Bahasa Melayu Sukarelawan Jepun	17&31 Mei, 14, 21 & 28 June 2013	Bilik Sukarelawan Muzium, USMP JMM
7.	Lawatan Sukarelawan Muzium ke Bandar Raya Ipoh	30 Mei 2013	Bandaraya Ipoh, Falim House, Warisan Kapal Korek, Muzium Bijih Timah Kampar
8.	Coffee Morning untuk Sukarelawan Muzium English	5 Jun 2013	Bilik Mesyuarat USMP
9.	Coffee Morning untuk Sukarelawan Muzium Jepun	4 Julai 2013	Bilik Mesyuarat USMP
10.	Kursus Latihan Sukarelawan Muzium baharu	17 September – Disember 2013	Bilik Mesyuarat USMP
11.	Kursus Bahasa Melayu Sukarelawan English	11 Oktober 2013	Bilik Mesyuarat USMP
12.	Lawatan Sambil Belajar untuk Sukarelawan Baharu Muzium 2013-2014	7 & 10 Disember 2013	Masjid Negara Kuala Lumpur

### Program Sekolah Sukarelawan Muzium 2013

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
1.	Program Sekolah bersama Alice Smith International School	20 Feb. 2013	Alice Smith International School	
2.	Program Sekolah bersama Alith Smith International School (Lawatan)	7 Mac 2013	Muzium Negara dan Muzium Tekstil Negara	
3.	Program Minggu Bahasa Perancis i) SMK Seri Puteri, Cyberjaya ii) Sekolah Seri Cempaka iii) UPNM iv) SMK Sultan Mahmud v) SMK Raja Perempuan Ipoh vi) IPGM KBA vii) SM Sains Semberong viii) UNIKL ix) SBPI Rawang	18-21 Mac 2013	Muzium Negara	
4.	Program Sekolah, SMK Jalan Empat, Bandar Baharu Bangi Selangor	3 April 2013	Muzium Negara	36 pelajar, Pengawas Perpustakaan Tingkatan 1 dan 2, dua guru
5.	Program sekolah bersama Sekolah Kebangsaan Puchong Utama (1)	17 April 2013	Muzium Negara	30 pelajar 16 guru

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	CATATAN
6.	Program Sekolah, SMKA Maahad Hamidah Kajang, Selangor	23 April 2013	Muzium Negara	40 pelajar Tingkatan 2 2 guru
7.	Program Sekolah, SMK Miharja Taman Cheras, Cheras	3 Mei 2013	Muzium Negara	40 pelajar, 4 guru
8.	Program Sekolah bersama Sekolah German	19 Jun 2013	Discovery Room, Muzium Negara	30 pelajar
9.	Program Sekolah bersama SMK Bukit Seri Indah, Serdang	25 Jun 2013	Discovery Room, Muzium Negara	40 pelajar, 2 guru
10.	SK Bukit Kuchai, Taman Bukit Kuchai, Puchong	24 Julai 2013	Gallery B & Discovery Room	40 pelajar, 4 guru

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 775 tajuk berita merangkumi bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Tamil dan bahasa Cina (surat khabar, majalah, televisyen dan radio) yang membuat liputan tentang program/aktiviti JMM seperti yang berikut :

JENIS	JUMLAH
Surat khabar	600
Siaran TV	68
Siaran radio	50
Majalah	57

Selain itu, JMM melalui laman sosial (Facebook) sangat aktif mempromosikan aktiviti/program muzium-muzium di bawah JMM.

## PENDIDIKAN MUZIUM

### Profil

Program Pendidikan Muzium dilaksanakan untuk mewujudkan kesedaran tentang pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan warisan sejarah dan kebudayaan negara. Selain itu, ia bertujuan mengubah persepsi masyarakat yang menganggap bahawa muzium ialah tempat untuk menyimpan dan mempamerkan koleksi artifak. Sekiranya tidak wujud program pendidikan muzium pastinya masyarakat akan sentiasa beranggapan sedemikian. Antara program pendidikan muzium yang diadakan termasuklah bengkel, pertandingan, eksplorasi, dan pameran. Program ini melibatkan pelbagai golongan dan peringkat umur samada kanak-kanak dan orang dewasa.



## Pencapaian Aktiviti Tahunan

Pada tahun 2013, program pendidikan muzium adalah seperti yang berikut:

### **Pengkisahan Sejarah dan Seminar Bicara 50 Tahun Muzium Negara Bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-50 Perasmian Muzium Negara**

Bersempena dengan sambutan 50 tahun Muzium Negara, satu Seminar dan Pengisahan Tokoh bersempena 50 Tahun Muzium Negara telah diadakan pada 3 September 2013 bertempat di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Perasmian pengisahan tokoh dan seminar ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail. Antara tetamu khas yang dijemput untuk pengisahan tokoh ini termasuklah Dato' Dr. Kamarul Baharin Buyong, YBhg. Prof. Dato' Dr. Othman bin Md. Yatim, Encik Cheong Laitong dan Encik AD Lawrence (Doss). Moderator untuk sesi pengisahan ini ialah Tuan Haji Md. Redzuan bin Tumin. Sesi seminar dimulakan dengan ucap tama oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Ketua Pengarah JMM. Kemudian sesi pertama dimulakan dengan tajuk Muzium dan Identiti: Dahulu dan Kini yang dipengerusikan oleh Encik Kamarul Baharin bin A. Kasim, Pengarah Muzium Negara. Pembentang kertas kerja untuk sesi pertama ialah Prof. Madya Dr. Stephen Chia, USM dan Prof. Dr. Mohd. Tajuddin bin Mohd. Rasdi, UTM. Bagi sesi kedua, dibentangkan tajuk "Muzium Sebagai Agen Perubahan Sosial" yang dipengerusikan oleh Encik Mohd. Azmi bin Mohd. Yusof, Pengarah JMM Wilayah Selatan. Dua orang pembentang untuk tajuk ini, iaitu Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian, USM dan Prof. Dr. Abu Hassan bin Hasbullah, UM. Pengisahan tokoh dan seminar ini dihadiri oleh kira-kira 300 orang peserta daripada pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, individu perseorang serta pelajar kolej.



Sebahagian tetamu yang menghadiri Majlis Perasmian Pengkisahan Sejarah dan Seminar Bicara 50 Tahun Muzium Negara.



Sesi kedua Seminar Bicara 50 Tahun Muzium Negara dipengerusikan oleh Encik Mohd. Azmi bin Mohd. Yusof.

Peserta bertanya soalan dalam sesi soal jawab.



# Muzium Antar Kebangsaan 2013

CREATIVITIES IN ROCK ART"

2013 (KHAMIS)

AI ME

KA P KUCHING



Dr. Amara Srisuchat membentangkan kertas kerja beliau.



Sebahagian peserta yang menghadiri Seminar "Memory and Creativity In Rock Art"



Barisan pembentang Seminar "Memory and Creativity In Rock Art"

## Seminar "Memory and Creativity In Rock Art" Bersempena Hari Muzium Antarabangsa 2013

Pada 23 Mei 2013 yang lalu, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Jabatan Muzium Sarawak (JMS) telah menganjurkan Seminar "Memory and Creativity In Rock Art" bersempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2013. Seminar yang berlangsung di Balai Merdeka, Hotel Merdeka Palace, Kuching dimulakan dengan ucapan oleh Presiden ICOM, Dr. Hans-Martin Hinz. Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar ini oleh lima pembentang dari dalam dan luar negara. Mereka terdiri daripada Prof. Madya Dr. Stephen Chia dengan kertas kerja yang bertajuk "Rock Art In Malaysia", Dr. Achmad Sopandi Hasan ("Rock Art In Kalimantan,

Indonesia"), Prof. Dr. Paul Tacon ("The Protect Australia's Spirit Campaign: Our Unique Rock Art Under Threat"), Dr. Darren Curnoe ("Challenges Posed By The "Extended Synthesis" Of Evolutionary Biology For Interpreting and Presenting Human Origins") dan Dr. Amara Srisuchat ("Rock Art In Thailand: A Legacy of the Past"). Seminar ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran kira-kira 200 orang peserta dari seluruh negara termasuklah dari muzium-muzium negeri, agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta orang perseorangan.



Sebahagian pengunjung yang menyertai Program Smart Kids.



Pelajar berminat dengan aktiviti yang dijalankan di Program Smart Kids 2013.



Pengunjung cilik mengunjungi gerai JMM.

### Program Smart Kids 2013

Pada tahun ini, Muzium Negara telah terlibat dalam program Smart Kids yang telah diadakan pada 19 – 21 April 2013 di Putra World Trade Centre (PWTC). Tema sambutan pada tahun ini ialah "Where We Nurture the Future". Program pada kali ini menggabungkan Muzium Negara, Muzium Tekstil Negara, Muzium Alam Semula Jadi, Bahagian Komunikasi Korporat dan Perpustakaan JMM dalam menawarkan pelbagai aktiviti berkonsepkan santai, libur, mesra dan lain-lain. Antaranya termasuklah

pertandingan melukis dan mewarna, jualan buku, kuiz, aktiviti permainan puzzle dan seni ukir tanah liat. Dianggarkan lebih tiga ribu pengunjung daripada pelbagai peringkat umur telah melawat gerai-gerai pameran JMM sepanjang program ini berlangsung. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, permaisuri DYMM Sultan Johor.



Pelajar mendengar taklimat daripada kakitangan Muzium Matang.



Sesi bergambar di depan bangunan Muzium Matang.



Pelajar menjalankan gotong royong.



Pelajar membersihkan pagar Muzium Matang.



Pelajar membersihkan lantai Muzium Matang.

### Program Khidmat Masyarakat Bersama Muzium Matang

Program Khidmat Masyarakat Bersama Muzium Matang telah diadakan pada 9 Januari 2013 bertempat di Muzium Matang. Objektif program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan mengenai ketokohan dan kehebatan tokoh perjuangan Tengku Menteri Ngah Ibrahim yang berjasa kepada rakyat dan negeri Perak agar terus diingati dan dihargai sepanjang zaman. Meningkatkan kesedaran kepada pelajar-pelajar terhadap pentingnya sejarah lalu yang boleh dijadikan panduan kehidupan pada masa depan. Objektif lain ialah mewujudkan interaksi dua hala antara muzium dan institusi pendidikan. Seramai 30 orang pelajar dan seorang guru telah menyertai program tersebut.

## Aktiviti di Ruang Penerokaan Muzium Negara

Selain aktiviti *Treasure Hunt* atau 'Mencari Harta Karun' yang dijalankan di Galeri Pameran Tetap Muzium Negara, Muzium Negara juga mengatur dan melaksanakan pelbagai lagi acara dan aktiviti menarik bertempat di ruang khas bangunan Muzium Negara yang dipanggil sebagai "Ruang Penerokaan Muzium Negara" (*Discovery Room*). Pelbagai aktiviti menarik disediakan di sini termasuklah Bengkel Seni Kemahiran, Ekskavasi Manusia Perak, "Malaysia Tanahairku", dan "Mengenal Rempah-Ratus". Para peserta yang terlibat terdiri daripada para pelajar sekolah dari seluruh negara. Aktiviti ini juga sering diadakan pada hujung minggu khususnya pada musim cuti sekolah bagi menarik minat generasi muda terhadap muzium sebagai satu institusi yang mendidik dan menghiburkan. Sepanjang tahun ini sebanyak 20 aktiviti telah dijalankan di Ruang Penerokaan Muzium Negara.

## Pameran Serangga Bersempena Program Komuniti 1Malaysia

Pada 26 – 27 Januari 2013, Muzium Perak telah mengadakan pameran luar bertajuk "Pameran Serangga" di Kompleks Sukan Rakan Muda Kamunting. Pameran tersebut diadakan bersempena Program Komuniti 1Malaysia yang telah dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Perak. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir. Pameran yang berlangsung selama dua hari turut disertai oleh semua agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Negeri Perak seperti Jabatan Arkib, Perbadanan Kraftangan, Suruhanjaya Multimedia, RTM dan Bernama. Antara pengisian program yang dijalankan termasuklah Senam Seni 1Malaysia, pemberian note book 1Malaysia, pertandingan karaoke, gerai jualan pelbagai produk kesihatan dan makanan, gerai pameran dan persembahan pentarama daripada Jabatan Penerangan Malaysia. Dianggarkan seramai 3000 pelawat telah berkunjung ke gerai pameran Muzium Perak.

## Program Terokai Muzium Negara

Bagi merealisasikan matlamat untuk membudayakan muzium sebagai pemangkin kepada pendidikan tidak formal dalam kalangan golongan pelajar, Muzium Negara telah mengadakan program "out-reach" yang dinamakan sebagai "Terokai Muzium Negara". Tujuannya untuk membentuk generasi muda yang lebih peka dan sensitif terhadap sejarah, budaya dan warisan negara, di samping memberi ruang yang lebih terbuka kepada golongan pendidik dan profesional muzium untuk menerapkan kepentingan subjek sejarah dalam program yang memanfaatkan para pelajar.

Program ini telah melibatkan sebanyak tujuh buah sekolah luar bandar di daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan yang terdiri daripada empat buah sekolah rendah dan tiga buah sekolah menengah. Sekolah rendah yang terlibat ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hwa; Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Ladang Glenealy; Sekolah Kebangsaan Parit dan Sekolah Kebangsaan Sungai Perah (Sekolah Orang Asli), Kampung Sungai Perah. Manakala tiga buah sekolah menengah pula terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah; Sekolah Menengah Sultan Muhammad Shah dan Sekolah Menengah Agama Maahad Al-Aziz. Program ini telah dijalankan dalam dua sesi yang berasingan, iaitu sesi pertama yang bermula pada 28 Oktober hingga 1 November 2013 dan sesi kedua pada 5 hingga 8 November 2013.

## Mencari Harta Karun (Treasure Hunt)

Sepanjang tahun 2013, Muzium Negara telah mengatur dan melaksanakan pelbagai aktiviti khususnya dalam kalangan para pelajar sekolah untuk menarik minat mereka datang ke muzium. Antara aktiviti tersebut termasuklah "Mencari Harta Karun" atau *Treasure Hunt* yang sering mendapat sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah dan kolej swasta dari seluruh negara. Pada tahun ini sahaja sebanyak 18 aktiviti ini telah dilaksanakan dengan jayanya di Muzium Negara.

### Peraduan Kuiz bersempena Hari Muzium Antarabangsa 2013

Peraduan Kuiz sempena Hari Muzium Antarabangsa 2013 telah diadakan pada 18 Mei 2013. Peraduan Kuiz ini terbuka kepada semua pengunjung muzium pada hari tersebut dan diadakan serentak di Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan dan Muzium Chimney. Tujuan peraduan kuiz ini diadakan untuk memperingati Hari Muzium Antarabangsa yang disambut pada 18 Mei setiap tahun. Soalan-soalan kuiz yang dikemukakan adalah mengenai fakta dan maklumat tentang pameran yang dipamerkan di muzium.

### Eksplorasi Mencari Spesimen- Muzium Marin Labuan

Eksplorasi Mencari Spesimen telah diadakan pada 6 Jun 2013 di Pantai Kampung Lubok Temiang. Eksplorasi ini disertai oleh kakitangan Muzium Marin Labuan dan melibatkan juga sebahagian kakitangan Muzium Labuan dan Muzium Chimney. Eksplorasi ini diadakan untuk meninjau dan mendapatkan spesimen hidupan marin untuk pengisian pameran Muzium Marin Labuan. Selain itu, eksplorasi ini juga dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada kakitangan Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan dalam aktiviti mencari spesimen dan seterusnya mengetahui tentang spesies hidupan marin di Wilayah Persekutuan Labuan. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan spesimen adalah bergantung pada jenis spesimen yang diambil.

### Program Bermalam di Muzium Perak

Pada 8 – 9 November 2013, Muzium Perak telah menjalankan Program Bermalam di Muzium Perak. Seramai 40 orang pelajar telah menyertai program tersebut terdiri daripada pelajar sekolah Menengah di sekitar Daerah Larut Matang dan Selama. Tujuan program tersebut diadakan adalah untuk

### Program Jejak Sejarah

Program Jejak Sejarah telah diadakan dalam beberapa siri. Program ini dikendalikan oleh Muzium Chimney. Program tahunan ini bertujuan memberi peluang dan pengalaman kepada para peserta merasai suasana menjelajah kawasan Tanjung Kubong bagi melihat sendiri kesan aktiviti bekas perlombongan arang batu dan tinggalan monumen bersejarah yang produktif suatu masa dahulu. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat mengenai pengenalan program dan aspek keselamatan. Kemudian peserta melakukan senaman sebelum memulakan perjalanan. Jarak perjalanan jejak sejarah ini sejauh enam kilometer yang bermula dari Muzium Chimney, seterusnya menuju ke Gedung Ubat, Gerbang Laut, Tapak Perkuburan British dan Terowong Nombor Satu. Kakitangan Muzium Chimney memberikan penerangan kepada peserta di lokasi-lokasi tersebut. Program ini diadakan dalam beberapa siri seperti yang berikut:

BIL.	TARIKH	INSTITUSI PENGAJIAN/ SEKOLAH
1.	15 Jun 2013	Kolej Matrikulasi Labuan
2.	6 Julai 2013	Kolej Matrikulasi Labuan
3.	3 Oktober 2013	SK Bukit Kalam
4.	22 Oktober 2013	SMK Lajau
5.	24 Oktober 2013	SK Patau-Patau

menanamkan semangat cinta akan sejarah dan budaya kepada golongan muda. Setiap penyertaan diberikan sijil penyertaan dan kemeja T. Program yang dijalankan selama dua hari itu berjaya mencapai objektif menarik minat golongan muda berkunjung ke Muzium.

### **Program Kenali Muzium@JMM Wilayah Labuan**

Program Kenali Muzium telah diadakan serentak di Muzium Marin Labuan dan Muzium Chimney. Program ini diadakan dalam dua siri, iaitu siri pertama diadakan pada 26 Oktober 2013 dan siri kedua pula diadakan pada 2 November 2013. Peserta program ini terdiri daripada pelajar-pelajar Tahap 2 sekolah rendah yang terpilih di Wilayah Persekutuan Labuan. Tujuan program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai bidang permuziuman. Selain itu, objektif program ini adalah untuk menjalin kerjasama dengan pihak sekolah yang terlibat ke arah memberi pendedahan mengenai fungsi muzium sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal. Program ini disertai oleh 20 orang bagi setiap sesi. Pengisian program ini berbeza-beza di setiap muzium, namun pengisian ini sama dalam setiap siri program yang diadakan. Aktiviti pengisian program di Muzium Marin Labuan ialah ceramah, demonstrasi penyelenggaraan akuarium, lawatan berpandu di galeri pameran dan aktiviti menjawab soalan kuiz. Manakala aktiviti pengisian program di Muzium Chimney pula ialah ceramah, demonstrasi konservasi asas artifak bahan logam, lawatan berpandu di galeri pameran dan aktiviti menjawab soalan kuiz.

### **Program "Colour's of Perak @ Taiping Sentral"**

Bermula dari 6 – 8 Disember 2014, Muzium Perak telah mengadakan pameran luar di pusat beli-belah Taiping Sentral. Pameran tersebut diadakan sempena program "Colour of Perak@Taiping Sentral", yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan Negeri Perak. Majlis telah dirasmikan oleh Exco Kesihatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Perak. Tujuan program diadakan untuk mempromosikan produk-produk pelancongan yang terdapat di Taiping termasuk Muzium Perak. Dianggarkan seramai 6815 orang pelawat telah berkunjung ke gerai pameran Muzium Perak.

### **Eksplorasi Tapak Terowong Bersama-sama Angkatan Tentera Malaysia**


Eksplorasi Tapak Terowong bersama-sama Angkatan Tentera Malaysia telah diadakan pada 17 Mei 2013 bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Eksplorasi ini diketuai oleh Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman, Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan yang turut disertai oleh kakitangan Muzium Chimney. Eksplorasi ini diadakan di Terowong Nombor 5 yang terletak di Bukit Merinding dan Terowong Nombor 2 di Pantai Tanjung Kubong. Tujuan eksplorasi ini diadakan untuk meninjau kawasan tapak terowong dan memberikan serba sedikit maklumat tentang terowong-terowong tinggalan perlombongan arang batu tersebut kepada Angkatan Tentera Malaysia.

### **Program Bermalam di Muzium@ JMM Wilayah Labuan**

Program Bermalam di Muzium telah diadakan di ketiga-tiga buah muzium, iaitu pada 7 dan 8 Disember 2013 di Muzium Chimney, 11 dan 12 Disember 2013 di Muzium Marin Labuan serta 20 dan 21 Disember 2013 di Muzium Labuan. Setiap program disertai oleh 30 orang peserta. Peserta program ini terdiri daripada pelbagai golongan dan peringkat usia. Tujuan program ini diadakan untuk menjelaskan peranan muzium kepada masyarakat khususnya kepada para pelajar bagi mengubah perspektif mereka tentang muzium yang selama ini hanya menjadi tempat menyimpan artifak. Tetapi sebaliknya muzium merupakan sebuah institusi pendidikan yang seronok untuk dikunjungi dan penuh dengan ilmu pengetahuan.

PROGRAM DAN AKTIVITI  
JMM WILAYAH







## Profil

Jabatan Muzium Malaysia mempunyai 21 buah muzium di bawah pentadbirannya. Muzium-muzium tersebut dibahagikan kepada zon seperti yang berikut:

1. JMM Wilayah Tengah
2. JMM Wilayah Selatan
3. JMM Wilayah Utara
4. JMM Wilayah Timur
5. JMM Wilayah Labuan

JMM Wilayah tengah terdiri daripada Muzium Perak dan Muzium Matang, manakala JMM Wilayah Selatan terdiri daripada Muzium Seni Bina Malaysia, Muzium Lukut, dan Muzium Kota Johor Lama. Muzium Kota Kuala Kedah, Muzium Kota Kayang dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang merupakan

muzium-muzium di bawah pentadbiran JMM Wilayah Utara. JMM Wilayah Timur mempunyai sebuah muzium sahaja, iaitu Muzium Sungai Lembing. Manakala JMM Wilayah Labuan pula terdiri daripada Muzium Labuan, Muzium Chimney dan Muzium Marin Labuan.

JMM Wilayah bertanggungjawab menjalankan tugas yang sama seperti yang dijalankan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Bezanya ialah program/aktiviti yang dilaksanakan oleh JMM Wilayah adalah dalam skala yang lebih kecil selari dengan peruntukan yang ada dan tenaga kerja yang kecil berbanding dengan Ibu Pejabat.

Secara dasarnya, tugas utama muzium-muzium di JMM Wilayah ini adalah berkaitan dengan objektif JMM, iaitu menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program pendidikan dan pengembangan,



Lawatan pelajar rumah anak yatim dan pusat tahfiz Nur Ikhlas ke Muzium Diraja.

## Pencapaian Aktiviti Tahunan

Pada tahun 2013, JMM Wilayah telah berjaya melaksanakan beberapa program pendidikan, pengembangan dan pameran sepanjang tahun 2013 selaras dengan visi, misi dan objektif JMM serta melepasi KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

di samping menjalankan aktiviti penyelidikan dan perolehan koleksi. Aktiviti ini termasuklah mengadakan forum, bengkel, seminar dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

Muzium-muzium di JMM Wilayah turut menerima undangan daripada agensi-agensi kerajaan lain dalam mendapatkan khidmat nasihat berkenaan pameran, malahan menjadi tempat rujukan untuk aktiviti penyelidikan terutamanya daripada pelajar-pelajar sekolah dan IPTA.

### Pendidikan Muzium

JMM Wilayah sentiasa melaksana pelbagai program pengembangan pendidikan bagi menyebarkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara kepada masyarakat. Program pengembangan pendidikan ini meliputi lawatan berpandu ke galeri pameran, seminar, bengkel, forum, pertandingan melukis, kuiz dan lain-lain. Sebanyak 51 program pengembangan pendidikan telah berjaya dilaksanakan di Muzium-muzium JMM Wilayah.

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Lawatan Khas Exco Kesihatan, Perlancongan dan Kebudayaan Negeri Perak, YB Nolee Ashilin bin Mohammed Radzi.	30 September 2013	Muzium Perak
2.	Eksplorasi Muzium	21 Oktober 2014	Muzium Perak
3.	Program Sosial dan Masyarakat	2 Julai 2013	Muzium Perak
4.	Lawatan Khas Isteri Ketua Polis Negeri Perak	7 Jun 2013	Muzium Perak
5.	Konvoi Sempena Sambutan 50 Tahun Muzium Negara	32 Ogos 2013	Muzium Perak
6.	Pembukaan Muzium Seni Bina Malaysia kepada Pengunjung	1 Jan. 2013	Muzium Seni Bina Malaysia

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
7.	Lawatan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ke Muzium Kota Johor Lama	12 Mac 2013	Muzium Kota Johor Lama
8.	Lawatan Ahli Mesyuarat pengurusan Jabatan Muzium Malaysia Serta Program Jalinan Muhibbah JMM dan PERZIM	24 Jun 2013	Muzium Seni Bina Malaysia
9.	Lawatan Tapak Warisan Dataran Merdeka (Merdeka Square Heritage Walk)	21 Ogos 2013	Muzium Seni Bina Malaysia
10.	Lawatan Kembara Mahkota Johor Ke Muzium Kota Johor Lama	27 Ogos 2013	Muzium Kota Johor Lama
11.	Program Bicara 50 Tahun Muzium Negara	3 September 2013	Muzium Negara
12.	Lawatan YB Datuk Hajah Norpipah binti Abdol Timbalan Exco Pembangunan Belia dan Warisan Negeri Melaka	10 September 2013	Muzium Seni Bina Malaysia
13.	Program Mengenal Arkeologi Sungai Johor Fasa 1&2 Anjuran Yayasan Warisan Johor	5 – 7 April 2013	Muzium Kota Johor Lama
14.	Lawatan Pengenalan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Perak, YB Puan Nolee Ashilin bin Dato' Mohammed Radzi	30 September 2013	Muzium Matang
15.	Kuiz Mengenal Muzium Matang	30 Oktober 2013	Muzium Matang
16.	Kenali Muzium Anda	29 September 2013	Muzium Kota Kayang
17.	Pegambaran Program 'Ronda Selebriti' TVI Astro oleh A. Aida Production.	2 September 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
18.	Menjalankan kajian berkaitan sejarah Kota Kuala Kedah	7 September 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
19.	Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Jabi	11 September 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
20.	Lawatan Sekolah Kebangsaan Jabi	18 September 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
21.	Lawatan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Soon Cheng, Bukit Pinang, Kepala Batas.	18 September 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
22.	Lawatan Sekolah Kebangsaan Kepala Batas, Alor Setar	19 September 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
23.	Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Cempedak	2 November 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
24.	Lawatan Sekolah Kebangsaan Kelibang,	6 November 2013	Muzium Kota Kuala Kedah

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
25.	Langkawi Lawatan Sekolah Kebangsaan Taman Dato Harun (I)	17 November 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
26.	Lawatan Ketua Pengarah dan rombongan dari Kerajaan Daerah Hui Zhou, Negara China bersama Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail, Ahli Parlimen Sungai Besar, Ahli Persatuan Hakka Sungai Lembing dan Kuantan	12 Februari 2013	Muzium Sungai Lembing
27.	Lawatan Kerja YBrs. Encik Rashidi bin Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Industri Pelancongan) Kementerian Pelancongan Malaysia	24 Jun 2013	Muzium Sungai Lembing
28.	Lawatan Pegawai International Business Machines Corporation (IBM) Komputer	19 Februari 2013	Muzium Sungai Lembing
29.	Lawatan Tunas Kadet Remaja Sekolah Peringkat Kebangsaan Tahun 2013	17 Februari 2013	Muzium Sungai Lembing
30.	Lawatan dari Rumah Anak Yatim Darul Salam Segamat Johor	27 Mei 2013	Muzium Sungai Lembing
31.	Lawatan dari Pelatih PLKN Pinggiran Pelangi Muadzam Shah, Pahang	5 Jun 2013	Muzium Sungai Lembing
32.	Lawatan Peserta PLKN Semarak, Pekan, Pahang	5 Oktober 2013	Muzium Sungai Lembing
33.	Lawatan Pelajar Ijazah Seni Bina Landskap Tahun 4, Jabatan Seni Bina Landskap UTM	22 November 2013	Muzium Sungai Lembing
34.	Eksplorasi di Sungai Kinabenuwa	2 April 2013	Muzium Labuan
35.	Eksplorasi Tapak Terowong Bersama-sama Pihak Angkatan Tentera Malaysia	17 Mei 2013	Muzium Labuan
36.	Peraduan Kuiz Sempena Hari Muzium Antarabangsa 2013	18 Mei 2013	Muzium Labuan
37.	Eksplorasi Mencari Spesimen	6 Jun 2013	Muzium Marin Labuan
38.	Program Jejak Sejarah	15 Jun 2013	Muzium Chimney
39.	Pertandingan Mewarna Kanak-kanak TADIKA	9 November 2013	Muzium Marin Labuan
40.	Program Bermalam di Muzium	7 Disember 2013	Muzium Chimney
41.	Sambutan Hari Rumah Api Sedunia	17 Ogos 2013	Muzium Kota Kuala Kedah

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
42.	Eksplorasi Keilmuan Gua Buah dan Tasik Kenyir Terengganu	5 April 2013	Muzium Seni Kraf Orang Asli
43.	Pameran di Ekspo Kejuruteraan dan Teknologi	17 & 18 Jun 2013	Muzium Automobil Nasional
44.	Pertandingan Mewarna dan Jigsaw Puzzle	10 Oktober 2013	Muzium Automobil Nasional
45.	Ceramah dan Demonstrasi <i>'Traditional Craft and Contemporary Design In Japan, Kyoto's New Tradition-Nishijin Textile &amp; Wired Handicrafts.</i>	11 Mei 2013	Muzium Tekstil Negara
46.	'Sahabat Tekstil' Talk: Beads & Embroidery	11 Januari 2013	Muzium Tekstil Negara
47.	<i>Textile Talk: Art Of The Loom (Textile Techniques of Southeast Asia)</i>	2 Februari 2013	Muzium Tekstil Negara
48.	'Sahabat Tekstil' Talk: Bark Cloth	8 Februari 2013	Muzium Tekstil Negara
49.	'Sahabat Tekstil' Talk: Pua Kumbu	8 Mac 2013	Muzium Tekstil Negara
50.	Bengkel: Tekat Gubah	16 Mac 2013	Muzium Tekstil Negara
51.	Program Treasure Hunt ( <i>Malaysia Youth For Christ</i> )	26 Mac 2013	Muzium Tekstil Negara




Lawatan Kembara Mahkota Johor Ke Muzium Kota Johor Lama




Program Komuniti 1Malaysia di Muzium Kota Johor Lama



Program penyelidikan Muzium Seni Bina Malaysia



Lawatan pelatih PLKN Pahang ke Muzium Sungai Lembing



Penerangan awetan rama-rama kepada pelajar sekolah





Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ke Muzium Alam Semula Jadi



Lawatan Kerja YBrs. Encik Rashidi bin Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Industri Pelancongan) Kementerian Pelancongan Malaysia ke Muzium Sungai Lembing



Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ke Muzium Alam Semula Jadi



Lawatan pelatih PLKN Pinggiran Pelangi Muadzam Shah, Pahang ke Muzium Sungai Lembing




Lawatan Kembara Media Jabatan Penerangan Malaysia

## Pemasaran Muzium

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
52.	Program Penganjuran Program "Colour's of Perak @ Taiping Sentral	6 – 8 Disember 2013	Taiping Sentral
53.	Perarakan Melaka Parade Bersempena Festival Jemputan Antarabangsa Sungai Melaka 2013	Jun 2013	Sungai Melaka
54.	Program Majlis Rumah Terbuka 1 Malaysia Deepavali	10 November 2013	Johor Bahru
55.	Rakaman Panorama 360 Darjah Google Street View	11 Disember 2013	Muzium Seni Bina Malaysia
56.	Taklimat Pelancongan Sungai Lembing kepada Persatuan Pemandu-Pemandu Pelancong Seluruh Malaysia.	13 Januari 2013	Muzium Sungai Lembing
57.	Taklimat mengenai Muzium Sungai Lembing sempena Program Pembangunan Koperasi Sekolah 2013	5 Mac 2013	Muzium Sungai Lembing
58.	Penggambaran mengenai Sungai Lembing di slot rancangan "Orang Kita" terbitan RTM untuk TV1	3 April 2013	Muzium Sungai Lembing
59.	Lawatan Kembara Media Jabatan Penerangan Malaysia.	5 Oktober 2013	Muzium Sungai Lembing
60.	Program Kenali Muzium	26 Oktober 2013	Muzium Marin Labuan
61.	Pegambaran Program Berbentuk Majalah 'Xpresi Kembara' Musim ke 5	15 November 2013	Muzium Kota Kuala Kedah
62.	Muzium Bersama Komuniti	6 Julai 2013	Muzium Kota Kuala Kedah

# LAPORAN KEWANGAN







### Peruntukan Mengurus Jabatan Muzium Malaysia

Secara keseluruhannya, JMM telah diperuntukkan sejumlah RM34,673,493.00 pada tahun 2013 dengan tambahan sebanyak RM1,100,000.00 yang diperoleh pada penghujung tahun bagi membiayai perbelanjaan utiliti dan penyelenggaraan menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan belanja mengurus ialah sebanyak RM35,773,493.00.

### Prestasi Perbelanjaan Mengurus mengikut Butiran Jenis Perbelanjaan bagi Tahun 2013

Sepanjang tahun 2013, perbelanjaan keseluruhan peruntukan JMM ialah sebanyak RM35,644,7460 atau 99.48 peratus. Pecahan tertinggi adalah untuk Perolehan Aset, iaitu sebanyak RM47,413.00 atau 100.00 peratus diikuti dengan Emolumen, iaitu sebanyak RM15,792,932.94 atau 99.86 peratus serta Bekalan dan Perkhidmatan, iaitu sebanyak RM19,804,400.06 atau 99.19 peratus. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan.



MAKSUD PERBELANJAAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%) PERBELANJAAN
Emolument	15,807,818.00	15,792,932.94	99.91
Bekalan dan Perkhidmatan	19,918,262.00	19,804,400.06	99.43
Aset	47,413.00	47,413.00	100.00
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	-	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>35,773,493.00</b>	<b>35,644,746.00</b>	<b>99.64</b>

**Jadual 1:** Perbelanjaan Mengurus

## Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Jabatan Muzium Malaysia

Bagi tahun 2013, JMM telah diperuntukkan sebanyak RM10,000,000.00 bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan RMK-10 di bawah enam program utama, iaitu:

- Perolehan Koleksi Artifak Muzium
- Naik Taraf Kompleks Jabatan Muzium Malaysia
- Naik Taraf Muzium Labuan
- Naik Taraf Muzium Perak
- Naik Taraf Galeria Perdana

Naik taraf empat buah Muzium Persekutuan :

- a. Muzium Negara
- b. Muzium Tekstil Negara
- c. Muzium Sungai Lembing
- d. Muzium Seni Bina Malaysia

Waran yang diterima daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah sebanyak RM9,805,048.99 untuk melaksanakan projek-projek di atas. Berikut adalah prestasi perbelanjaan kewangan bagi projek-projek pembangunan RMK-10:


BIL.	KOD PROJEK	NAMA PROGRAM	PERUNTUKAN 2013 (RM)	WARAN SEBENAR 2013 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	BELANJA (%)
1.	P47449002070003	Perolehan Koleksi Artifak	2,000,000.00	1,887,570.00	1,882,570.00	99.74
2.	P47451002070025	Naik Taraf Kompleks Jabatan Muzium Malaysia	2,000,000.00	1,998,372.00	1,998,372.00	100
3.	P47451002070031	Naik Taraf Muzium Labuan	600,000.00	599,261.00	599,261.00	100
4.	P47451002070037	Naik Taraf Muzium Perak	1,300,000.00	1,296,642.58	1,296,642.58	100
5.	P47451002070038	Naik Taraf Galeria Perdana	2,000,000.00	1,958,814.00	1,920,702.00	98.05
6.	P47451002070039	Naik Taraf 4 buah Muzium Persekutuan	2,100,000.00	2,064,389.40	2,064,389.40	100
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>10,000,000.00</b>	<b>9,805,048.99</b>	<b>9,761,936.99</b>	<b>99.56</b>

**Jadual 2 :** Peruntukan dan Perbelanjaan Sebenar Butiran Program / Projek 2013 Berdasarkan Waran Peruntukan Diterima



STATISTIK PENGUNJUNG  
KE MUZIUM-MUZIUM JMM 2013





**S** epanjang tahun 2013, seramai 2756151 orang telah mengunjungi 21 buah muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (Lihat Jadual 1).

BIL.	MUZIUM	JUMLAH
1	Muzium Negara	357506
2	Muzium Perak	246899
3	Muzium Tekstil Negara	64,395
4	Muzium Arkeologi Lembah Bujang	130992
5	Muzium Kota Kayang	63528
6	*Muzium Labuan (Ditutup untuk lawatan bagi kerja naik taraf dari 3 Ogos 2013 – 20 Oktober 2013)	39866
7	Muzium Marin Labuan	130992
8	Muzium Adat	81112
9	Galeria Perdana	149979
10	Muzium Sungai Lembing	82712
11	Muzium Seni Bina Malaysia	54290
12	Muzium Automobil Nasional	49881
13	*Muzium Etnologi Dunia Melayu (Ditutup untuk lawatan bagi kerja naik taraf dari 12 Oktober 2012 – 12 November 2013)	37984
14	Muzium Lukut	25623
15	Muzium Seni Kraf Orang Asli	394886
16	Muzium Matang	53756
17	Muzium Chimney	48351
18	Muzium Kota Kuala Kedah	225385


BIL.	MUZIUM	JUMLAH
19	Muzium Kota Johor Lama	15422
20	Muzium Alam Semula Jadi	38580
21	Muzium Diraja	214434
22	Pameran yang Diadakan di Luar	245578
<b>JUMLAH PELAWAT 22 DISEMBER 2013</b>		<b>2756151</b>

Jadual 1: Statistik 21 buah muzium-muzium JMM



MUZIUM-MUZIUM  
DI BAWAH JMM







### ***Muzium Negara***

Jalan Damansara,  
50566 Kuala Lumpur.

No. tel. : 03-22671000  
No. faks : 03-2282 6434

<http://www.muziumnegara.gov.my>

Majlis perasmian Muzium Negara telah disempurnakan oleh Ke Bawah DYMM Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail Yang di-Pertuan Agong ketiga. Seni bina muzium ini berasaskan seni bina istana Raja-raja Melayu dan mempunyai empat buah galeri utama.



### ***Muzium Etnologi Dunia Melayu***

Jalan Damansara,  
50566 Kuala Lumpur.

No. tel. : 03-2282 7399  
No. faks : 03-2282 7294

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-etnologi-dunia-melayu>

Pengumpulan koleksi meliputi pelbagai jenis seperti pelayaran, tekstil, senjata, ukiran, alat logam dan teknologi, perhiasan diri, dan alat muzik. Koleksi-koleksi yang terbaik dan unggul serta sukar diperoleh ini dikumpulkan dari seluruh Malaysia.



### ***Muzium kraf orang asli***

Jabatan Muzium Malaysia,  
Jalan Damansara,  
50566 Kuala Lumpur.

No. tel. : 603-2282 6255 samb.171  
No. faks : 603-2282 7294 /  
2287 1275

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kraf-orang-asli>

Penubuhan Galeri Seni Kraf Orang Asli di bawah rancangan Malaysia kelapan bertujuan menggerakkan aktiviti yang berkaitan dengan segala aspek kehidupan masyarakat Orang Asli serta membantu mengekalkan dan memelihara warisan budaya masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia terutamanya. Peranannya bertumpu kepada aspek-aspek kesenian yang terdapat pada hasil ciptaan masyarakat Orang Asli.



### ***Muzium Automobil Nasional***

Litar Antarabangsa Sepang  
Jalan Pekeliling  
64000 KLIA Sepang.

No. tel. : 03-8787 4759  
No. faks : 03-8787 3732

intanfadzri@jmm.gov.my  
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-automobil-nasional>

Muzium Automobil Nasional yang terletak di Welcome Centre Litar Antarabangsa Sepang dengan mempunyai keluasan ruang pameran 7949 kaki persegi bagi tingkat bawah dan 10577 kaki persegi untuk tingkat satu. Ruang pameran tingkat bawah memaparkan segmen pengenalan Muzium Automobil Nasional serta sejarah perkembangan sistem pengangkutan Malaysia dan termasuk kereta-kereta terawal.



### ***Muzium Labuan***

Jabatan Muzium Malaysia  
Wilayah Labuan, U 0364,  
Jalan Dewan,  
87008 Wilayah Persekutuan  
Labuan.

No. tel. : 087-414 135  
No. faks : 087-414 462

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-labuan>

Dibuka secara rasminya kepada orang ramai pada 8 Oktober 2004 dengan upacara perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Kerja-kerja konservasi bangunan yang pada asalnya merupakan sebuah bangunan dari era penjajah ini telah bermula pada tahun 1997 diikuti dengan kerja-kerja pembinaan hiasan dalaman dan pengisian pada tahun 2002. Pada tahun 2013, hiasan dalaman galeri pamerannya sekali lagi dinaik taraf untuk menarik minat pengunjung.



### ***Muzium Marin Labuan***

Jabatan Muzium Malaysia  
Wilayah Labuan, Kompleks Sukan  
Air Antarabangsa Labuan, Jalan  
Tanjung Purun,  
87008 Wilayah Persekutuan  
Labuan.

No. tel. : 087-425 927  
No. faks : -

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-marin-labuan>

Muzium Marin Labuan sempurna dirasmikan oleh YB Dato' Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir pada 26 Januari 2003. Muzium yang telah dirancang penubuhannya pada awal tahun 1990-an hanya dapat direalisasikan pada tahun 2000 apabila Perbadanan Labuan menawarkan tapak dan bangunan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Kerja-kerja pengisian bermula pada bulan Ogos 2001 dan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2002.



### **Muzium Chimney**

Muzium Chimney Lot 2 Tingkat Bawah, Bangunan Tabung Haji Jalan Kesuma 87008 Wilayah Persekutuan Labuan.

No. tel. : 087-463 603  
No. faks : 087-414 462

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-chimney>

Terdiri daripada 2 komponen di tapak bersejarah Chimney, iaitu bangunan Pusat Informasi Chimney (PIC) dan Menara Chimney. PIC berfungsi sebagai sebuah muzium tapak yang mempamerkan sejarah awal Tanjung Kubong, sejarah perlombongan arang batu Labuan sejak 1847.



### **Muzium Arkeologi Lembah Bujang**

242 A, Bangunan Dispensari Lama 08400 Pekan Merbok, Kedah.

No. tel. : 04-457 2005  
No. faks : 04-457 4635

[zulkifli@jmm.gov.my](mailto:zulkifli@jmm.gov.my)  
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-arkeologi-lembah-bujang>

Muzium Arkeologi Lembah Bujang merupakan satu-satunya Muzium di Malaysia yang mempamerkan koleksi arkeologi yang membuktikan kewujudan pusat perdagangan antarabangsa dan perkembangan agama Hindu Buddha di Asia Tenggara kurun ke 3 masehi hingga ke 12 masehi. Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah dibuka dengan rasminya pada 23 Januari 1980 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasimu Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darul Aman.



### **Muzium Kota Kuala Kedah**

Jabatan Muzium Malaysia (Wilayah Utara) Kampung Seberang Kota 06600 Kuala Kedah Kedah Darul Aman.

No. tel. : 04-741 2152  
No. faks : 04-741 9297

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-kuala-kedah>

Kota Kuala Kedah atau Kota Kuala Bahang terletak di tebing utara muara sungai Kedah. Reka bentuk kota ini telah dilukis oleh Hafiz Sab yang ketika itu menjawat jawatan Dato' Maharaja Kadi. Pada 31 Ogos 1978 kota ini telah diwartakan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti (sekarang Jabatan Muzium Malaysia) sebagai "Tapak Tanah Bersejarah" mengikut peruntukan "Akta Benda Purba 1976" di bawah akta 165.



### ***Muzium Kota Kayang***

Al-Marhum Kayang, Kuala Perlis,  
02000 Perlis.

No. tel. : 04-977 0027  
No. faks : 04-978 2678

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-kayang>

Terletak berhampiran Bukit Kayang, Bukit Lambong Panah, Bukit Jagat Hutang, Bukit Wai dan Bukit Menara dalam mukim Kayang, iaitu berdekatan terusan buatan manusia yang tertua di Semenanjung. Terdapat tiga galeri, iaitu galeri am yang mempamerkan kronologi pembinaan Kota Kayang, peralatan harian golongan bangsawan di Perlis, galeri arkeologi yang mempamerkan hasil penyelidikan Kota Kayang dan sekitar negeri Perlis serta galeri Kedah/Perlis yang mempamerkan salasilah diraja negeri Perlis bermula daripada Nabi Muhammad SAW dan replika bunga emas, kesan pendudukan penjajah dan pelbagai koleksi yang menarik.



### ***Galeria Perdana***

Jabatan Muzium Malaysia  
Wilayah Labuan, U 0364,  
Jalan Dewan, 87008 Wilayah  
Persekutuan Labuan.

No. tel. : 087-414 135  
No. faks : 087-414 462

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-labuan>

Penubuhan Galeria Perdana merupakan idea Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia. Galeri ini dibangunkan bagi berkongsi dengan masyarakat pelbagai penghargaan, cenderamata dan hadiah Tun Mahathir dan isteri yang diterima daripada pemimpin-pemimpin dunia, ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar negara ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia.



### ***Muzium Perak***

Muzium Perak Jalan Taming Sari,  
Taiping, 34000 Perak.

No. tel. : 05-807 2057  
No. faks : 05-806 3643

<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-perak>

Muzium ini merupakan muzium yang tertua di Semenanjung Malaysia. Ia terletak di bandar Taiping, kira-kira 85 km dari Ipoh, ibu negeri Perak. Ia juga berhampiran dengan Penjara Taiping dan lebih kurang 1.5 km dari pusat bandar. Kebanyakan koleksi terawal muzium ini terdiri daripada bahan-bahan etnologi dan antropologi. Kemudian, koleksi geologi, botani dan entamobiologi menjadi spesimen tambahannya.



### ***Muzium Diraja***

**Muzium Diraja,  
Jalan Istana,  
50566 Kuala Lumpur.**

**No. tel. : 03-2267 1000**

Muzium Diraja yang bertempat di Istana Negara Lama, Jalan Istana, Kuala Lumpur merupakan tempat bersemayam Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sejak tahun 1957 hingga tahun 2011. Setelah itu, bangunan Istana Negara Lama ini dijadikan Muzium Diraja dan mula dibuka kepada orang ramai pada bulan Februari 2013. Pembukaan Muzium Diraja ini bertujuan mengangkat institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia dan mendedahkan kepada masyarakat tentang peranan institusi beraja dan fungsi bangunan Istana Negara Lama itu sendiri.



### ***Muzium Matang***

**Muzium Matang Kota Ngah  
Ibrahim Matang, 34750 Taiping  
Perak.**

**No. tel. : 05-847 7970**

**No. faks : 05-847 7757**

**[http://www.jmm.gov.my/ms/  
museum/muzium-matang](http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-matang)**

Muzium Sejarah Matang (dahulunya dikenali sebagai Kompleks Sejarah Kota Ngah Ibrahim) yang terletak di Bukit Gantang, Matang (dahulu namanya Permatang), Perak, telah dibina oleh Ngah Ibrahim yang bergelar Orang Kaya Menteri Paduka Tuan ialah anak kepada Cek Long Jaffar orang Melayu pertama tahun 1840 membuka perusahaan lombong bijih timah di kawasan Larut, Matang dan Selama.



### ***Muzium Sungai Lembing***

**Ibu Pejabat Jabatan Muzium  
Malaysia (Wilayah Timur),  
26200, Sungai Lembing,  
Pahang.**

**No. tel. : 09-541 2377 / 2378**

**No. faks : 09-541 2377**

**[http://www.jmm.gov.my/ms/  
museum/muzium-sungai-lembing](http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-sungai-lembing)**

Muzium Sungai Lembing ditubuhkan bagi mengimbuai zaman kegemilangan Sungai Lembing sebagai bandar terkaya pengeluar bijih timah utama di negeri Pahang. Pada suatu ketika dahulu, bandar ini seumpama EL-Dorado Timur di Tanah Melayu kerana di sinilah terletaknya sebuah perkampungan pegawai British yang istimewa di Lembah Sungai Kenau.



### **Muzium Lukut**

Lot 730, Kota Lukut,  
71010 Port Dickson,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

No. tel. : 06-651 2954  
No. faks : 06-651 5270

rosiswandy@jmm.gov.my  
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-lukut>

Muzium ini dibina oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti (kini Jabatan Muzium Malaysia) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan. Ia dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Abdul Samad pada 9 April 1999. Ia dibina sebagai satu tanggungjawab menyebarkan maklumat sejarah dan budaya di Negeri Sembilan untuk ditatapi oleh masyarakat tempatan, para pelancong luar negara serta para pelajar dan penyelidik sejarah.



### **Muzium Seni Bina Malaysia**

Jabatan Muzium Malaysia  
(Wilayah Selatan),  
No. 1, Jalan Kota,  
75000 Melaka.

No. tel. : 06-288 1450 / 3599  
No. faks : 06-288 3826

iesnordin@jmm.gov.my  
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-seni-bina-malaysia>

Muzium Seni Bina Malaysia mula dibuka kepada umum pada bulan September 2005. Objektif utama penubuhannya adalah untuk mempamerkan keunikan warisan seni bina yang terdapat di Malaysia. Selain menjadi satu lagi destinasi pelancongan, muzium ini juga turut menekankan aspek pendidikan dengan menyediakan pusat sumber sebagai tempat rujukan mengenai warisan seni bina yang terdapat di Malaysia



### **Muzium Kota Johor Lama**

Jabatan Muzium Malaysia  
(Wilayah Selatan),  
Lot 1468, Kampung Johor Lama,  
81940 Kota Tinggi,  
Johor Darul Takzim.

No. tel. : 07-883 1498  
No. faks : 06-286 5092

hanifbukhari@jmm.gov.my  
<http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-kota-johor-lama>

Pembinaan muzium ini bermula pada bulan Ogos 2004 dan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2007. Muzium ini mula dibuka kepada umum pada bulan Oktober 2007.



### **Muzium Adat**

Jabatan Muzium Malaysia 196,  
Jalan Dato' Umbi,  
71600 Kuala Klawang, Jelevu,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

No. tel. : 06-613 6586 / 6621  
No. faks : 06-613 6664

[http://www.jmm.gov.my/ms/  
museum/muzium-adat](http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-adat)

Penubuhan Muzium Adat yang pertama seumpamanya di Malaysia ini adalah cetusan idea Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Majlis perasmian pembukaan Muzium Adat ini telah diadakan pada 2 Februari 2008 oleh Undang Luak Jelevu, Yang Mulia Dato' Mendika Menteri Akhirulzaman Dato' Musa bin Wahab bersama-sama dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan juga Menteri Besar Negeri Sembilan, YBhg. Dato' Seri Utama Mohamad Hasan.



### **Muzium Alam Semula Jadi**

Jalan Diplomatik, Presint 15,  
62000 Putrajaya.

No. tel. : 03-8890 2877  
No. faks : 03-8890 2879

[fariza@jmm.gov.my](mailto:fariza@jmm.gov.my)  
[http://www.jmm.gov.my/  
ms/museum/muzium-alam-  
semulajadi](http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-alam-semulajadi)

Penubuhan Muzium Alam Semula Jadi (MAS) di Presint 15, Putrajaya merupakan satu usaha kerajaan untuk mengumpulkan, mendokumentasikan dan mempamerkan khazanah alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, batuan, mineral dan fosil yang terdapat di negara ini untuk dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dalam negara mahupun pelancong.



### **Muzium Tekstil Negara**

JKR 26, Jalan Sultan Hishamudin,  
50050 Kuala Lumpur.

No. tel. : 03-2694 3457 / 3461  
No. faks : 03-2694 3466


[janetsm@jmm.gov.my](mailto:janetsm@jmm.gov.my)  
[http://www.jmm.gov.my/ms/  
museum/muzium-tekstil-negara](http://www.jmm.gov.my/ms/museum/muzium-tekstil-negara)

Muzium Tekstil Negara ditempatkan di Bangunan JKR 26 di Lot 50 Seksyen 70, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur, ialah sebuah bangunan warisan yang pernah digunakan oleh pelbagai jabatan dan institusi sebelum ini. Bangunan yang siap dibina pada tahun 1896 ini mempunyai dua setengah tingkat dengan keluasan tanah 3259 m2 dan keluasan lantai 3145.3 m2. Muzium ini mempunyai empat galeri.



# LAMPIRAN





## 1. LAWATAN BERPANDU MUZIUM NEGARA

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	JUMLAH PESERTA
1	02 Mac 2013	Pejabat Timbalan Menteri KPKK	45 orang
2	07 Mac 2013	UiTM Merbok, Kedah	48 orang
3	08 Mac 2013	Kolej Komuniti, Cheras	5 orang
4	09 Mac 2013	Pegawai-pegawai Kerajaan Luar Negara di bawah Malaysian Defence Cooperation Programme (MDCP) anjuran Bhgn. Operasi dan Latihan Pertahanan MINDEF	30 orang
5	16 Mac 2013	ASWARA	43 orang
6	19 Mac 2013	Kolej Komuniti, Kuala Selangor	11 orang
7	27 Mac 2013	The Incheon Association of Museum	23 orang
8	28 Mac 2013	Kolej Komuniti, Pasir Salak, Perak	44 orang
9	8 April 2013	Pegawai-pegawai Kerajaan Luar Negara (Arab) di bawah 'Malaysian Defence Cooperation Programme (MDCP)' anjuran Bhgn. Operasi dan Latihan Pertahanan MINDEF	20 orang
10	11 April 2013	Kolej Komuniti, Kuala Langat, Selangor	20 orang
11	15 April 2013	International Strategy Adviser of the Papa Tongarewa, National Museum of New Zealand	1 orang
12	16 April 2013	Pusat Latihan Pentadbiran dan Pengurusan D/A Pengkalan Udara, Shah Alam	20 orang
13	23 April 2013	British Museum	2 orang
14	26 April 2013	Ibu Ita Yulia S.Si M.Hum Ketua Seksi Perawatan, Bidang Perawatan dan Pengawetan, Museum Nasional Indonesia	1 orang
15	10 Mei 2013	Guang Xi Zhuang Autonomous Region Ethnic Affairs Commission China	7 orang
16	20 Mei 2013	Presiden ICOM, Dr. Hans Martin-Hinz	1 orang
17	23 Mei 2013	Sekretariat Markas Tentera Udara, KL	15 orang
18	28 Mei 2013	Kolej Komuniti, Semporna, Sabah	22 orang
19	30 Mei 2013	SMK Jesus Convent, Melaka	82 orang
20	10 Jun 2013	Pusat Pulatibang Kolej Tentera Udara Alor Setar, Kedah	35 orang

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	JUMLAH PESERTA
21	11 Jun 2013	Penuntut Kursus Ilmu Penerbangan Asas Kuartermaster Udara/Pramugari TUDM siri 43/13 anjuran Kolej Tentera Udara (PULATIBANG 2) Kedah	36 orang
22	18 Jun 2013	Delegasi 'China-Malaysia Youth Exchange Program' anjuran Kementerian Belia dan Sukan	20 orang
23	3 Julai 2013	SMK Seri Bintang Utara, Cheras	33 orang
24	4 Julai 2013	Delegasi 'China-Malaysia Youth Exchange Program' anjuran Kementerian Belia dan Sukan	29 orang
25	7 Julai 2013	SMK Seri Bintang Utara, Cheras	50 orang
26	22 Ogos 2013	Program bahasa Melayu Universiti Rojabhat Yala, Thailand anjuran Program Pengajian Bahasa Melayu UKM	109 orang
27	28 Ogos 2013	Rumah Amal Nur Muhammad, Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam	18 orang
28	30 Ogos 2013	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Terengganu Kolej Komuniti Hulu Selangor	95 orang
29	13 Sept. 2013	Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Terengganu	30 orang
30	13 Sept. 2013	Pegawai Kadet dari Royal Thailand Air Force (RTAF) Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Terengganu	73 orang
31	18 Sept. 2013	Pegawai Kadet dari Singapore Armed Forces Warrant Officer School	50 orang
32	21 Sept. 2013	SJK (C) Hillside, Seremban	44 orang
33	1 Okt. 2013	Pegawai Kadet ATM-Bangladesh National Defence College	50 orang
34	4 Okt. 2013	SK Bakong, Pasir Mas	55 orang
35	23 Okt. 2013	SMK Wangsa Melawati, KL	84 orang
36	24 Okt. 2013	Delegasi China	12 orang
37	25 Okt. 2013	Pelajar cemerlang dari Bangladesh	15 orang
38	1 Nov. 2013	Pegawai Kadet ATM-Bangladesh National Defence College	12 orang
39	4 Nov. 2013	SK Air Baharuk, Melaka	80 orang
40	7 Nov. 2013	Persatuan Suku Chai Thailand	20 orang
41	9 Nov. 2013	SJK (T) Ladang Gali, Raub	30 orang
42	11 Nov. 2013	Zhandra Rodes, Pereka Tekstil Britain	2 orang

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	JUMLAH PESERTA
43	20 Nov. 2013	UiTM Shah Alam	50 orang
44	23 Nov. 2013	Program 'Library Planning Management Course' anjuran PNM	17 orang
45	24 Nov. 2013	MATRADE	19 orang
46	09 Dis. 2013	Dr. Kwon Taehyo, Senior Curator of Education Division, Deputy Head of Cultural Exchange & Education Division, The National Folk Museum of Korea	5 orang
47	10 Dis. 2013	International Islamic University Malaysia (IIUM)	14 orang
48	12 Dis. 2013	Institut Kesihatan, Kuching	8 orang
49	17 Dis. 2013	Jabatan Sejarah Negara, Brunei	2 orang
50	21 Dis. 2013	Pusat Tuisyen Shah Alam	38 orang

## 2. PROGRAM PENGEMBANGAN MUZIUM NEGARA TAHUN 2013

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	PROGRAM
1	9 Mac 2013	SMK Seafield, Subang Jaya	Treasure Hunt
2	21 Mac 2013	SMK Taman Seraya, Ampang	Treasure Hunt
3	21 Mac 2013	SK Raub Indah, Raub	Cari dan Lihat
4	23 Mac 2013	Menara SME Bank, KL	Cari dan Lihat
5	2 April 2013	Iraqi School, KL	Look dan Find
6	9 April 2013	SMK Subang Jaya	Mencari Harta Karun
7	10 April 2013	SK Bandar Rinching Hilir, Kajang	Cari dan Lihat
8	17 April 2013	SMK Taman Seraya, Ampang	Permainan Tradisional
9	19-21 April 2013	Outreach Programme	Pameran Smart Kids
10	20 April 2013	SK Methodist (ACS) Ipoh	Cari dan Lihat
11	23 April 2013	Sek Men Keb Agama Maahad Hamidiah, Bangi	Demonstrasi Membuat Tengkolok

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	PROGRAM
12	24 April 2013	SK Abdul Samat, Kapar, Perak	Cari dan Lihat
13	25 April 2013	SK Seri Jaya, Binjai, Kemaman	Cari dan Lihat
14	26 April 2013	SMK Tinggi Melaka	Mencari Harta Karun
15	27 April 2013	SK Dato' Rabah, Negeri Sembilan	Cari dan Lihat
16	30 April 2013	SK Sekinchan, Selangor	Malaysia Tanahairku
17	2 Mei 2013	SMK Miharja, KL	Ekskavasi Manusia Perak dan Lukisan Gua
18	3 Mei 2013	SMK Tun Syed Zahiruddin, Merlimau, Melaka	Mencari Harta Karun
19	7 Mei 2013	Jerman School	Ekskavasi Manusia Perak
20	8 Mei 2013	SMK Bukit Jalil, KL	Mencari Harta Karun
21	18 Mei 2013	SK Dato' Bandar Rasah	Cari dan Lihat
22	30 Mei 2013	Malaysia Home School, Bangi	Kraf Rempah-ratus
23	1 Jun 2013	Program Cuti Sekolah	"Storytelling & Puppet Show"
24	3 Jun 2013	Montesari Sg Long, Kajang	"Look & Find"
25	8 Jun 2013	SMK Damansara Utama	Mencari Harta Karun
26	8 Jun 2013	Program Cuti Sekolah	"Storytelling & Puppet Show"
27	15 Jun 2013	Tadika Islam Darul Jalil, Bukit Jalil, KL	Cari dan Lihat
28	19 Jun 2013	German School	"Spice Programme"
29	25 Jun 2013	SMK Seri Indah, Serdang	Mencari Harta Karun
30	26 Jun 2013	SK Simpang Tiga, Bagan Datoh, Teluk Intan	Kraf Rempah-ratus
31	9 Julai 2013	Alliance Chin Refuge, KL	Rempah-ratus
32	16 Julai 2013	Alliance Chin Refuge, KL	Lukisan Gua
33	20 Julai 2013	Program Riadah Bersama Anak Yatim anjuran DEMC Specialist Hospital, Shah Alam	Mencari Harta Karun
34	24 Julai 2013	SK Bukit Kuchai, Selangor	Tengkolok
35	14 Ogos 2013	Pusat Kebajikan Good Shepherd	Mencari Harta Karun

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	PROGRAM
36	22 Ogos 2013	SK Kg Jawa Selangor	Lihat dan Cari
37	28 Ogos 2013	Program Syabas bersama Anak-Anak Orang Asli Gombak	Lihat dan Cari
38	29 Ogos 2013	Mustard Seed Day Care Centre, Puchong	“Look & Find”
39	4 Sept. 2013	SMK Seksyen 8 Kota Damansara	Mencari Harta Karun
40	9 Sept. 2013	SK Sg. Yong, Terengganu	Lihat dan Cari
41	11 Sept. 2013	SK Putrajaya Presint (18)	Lihat dan Cari
42	12 Sept. 2013	SK Sg. Tua Baharu, Batu Caves	Lihat dan Cari
43	18 Sept. 2013	SK Sg. Kua, Terengganu	Lihat dan Cari
44	25 Sept. 2013	SM Sains Seri Puteri, KL	Malaysia Tanahairku
45	26 Sept. 2013	SMK Bandar Utama, Damansara 2	Mencari Harta Karun
46	17 Okt. 2013	Sek Sukan Bukit Jalil	Mencari Harta Karun
47	19 Okt. 2013	SMK Sultan Hj Ahmad Shah	Kuiz Kembara Minda
48	21 Okt. 2013	SMK Vivekananda, KL	Mencari Harta Karun
49	22 Okt 2013	SMK Bukit Jalil	Mencari Harta Karun
50	23 Okt. 2013	SMK Tunku Panglima Besar, Kulim	Mencari Harta Karun
51	26 Okt. 2013	SK Seri Relau, P. Pinang	Lihat dan Cari
52	26 Okt. 2013	SMK Bandar Hilir Kesuma, Selangor	Taklimat
53	28 Okt. – 1 Nov. 2013	SRJK (C) Chung Hwa, Parit, Perak SRJK (T) Ladang Glenealy, Parit SK Parit SK Sg. Perah, Parit	“Outreach Programme”
54	4 Nov. 2013	SMK Lembah Keramat	Mencari Harta Karun
55	6 Nov. 2013	SMK Iskandar Shah, Parit	“Outreach Programme”
56	7 Nov. 2013	SMK Sultan Muhammad Shah, Parit	“Outreach Programme”
57	7 Nov. 2013	Mahasiswa/i dari negara ASEAN yang menghadiri forum di Universiti Malaya	Taklimat
58	8 Nov. 2013	SM Agama Al-Aziz, Parit	“Outreach Programme”

BIL.	TARIKH	INSTITUSI/ORGANISASI	PROGRAM
59	11 Nov 2013	SMK Kamunting, Perak	Mencari Harta Karun
60	12 Nov 2013	SMK Sri Kota, Taiping	Ekskavasi Manusia Perak
61	13 Nov 2013	TNB bersama anak yatim	Taklimat
62	13 Nov 2013	SJK (T) Simpang Lima, Klang	Kenali Lukisan Gua
63	16 Nov 2013	Aktiviti Cuti Sekolah	Bengkel Kompang
64	21 Nov 2013	Aktiviti Cuti Sekolah	MVM Conference "French Talk"
65	23 Nov 2013	Aktiviti Cuti Sekolah	Bengkel Seni Gunting Kertas Cina
66	29 Nov 2013	Universiti Malaysia Terengganu	Tengkolok
67	30 Nov 2013	Aktiviti Cuti Sekolah	Bengkel Permainan Tradisional
68	7 Dis 2013	Program Cuti Sekolah	Bengkel Seni Gunting Kertas Cina 2
69	14 Dis 2013	Program Cuti Sekolah	Bengkel Tengkolok

